

Bil. 29

Selasa  
20 Ogos 2019



MALAYSIA

## LAPORAN PROSIDING

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Mengenai:

#### Transaksi Tanah Milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur:

- i) YBhg. Dato' Nor Hisham bin A Dahlan,  
Datuk Bandar

PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
彭加国第十二届国会

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

**SELASA, 20 OGOS 2019**

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad	- <i>Pengerusi</i>
YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]	- <i>Timbalan Pengerusi</i>
YB. Tuan Wong Chen [Subang]	
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]	
YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]	
YB. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]	
YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]	
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]	
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]	

**Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]**

YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]	
YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]	
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]	
YB. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]	
YB. Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]	
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah	- <i>Setiausaha</i>

**URUS SETIA**

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia]  
 Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
 Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
 Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
 Puan Lee Jing Jing [Jurubahasa Serentak Kanan I, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Audit Negara**

Puan Yusnani binti Zakaria [Pengarah Bahagian Audit Prestasi I]  
 Dr. Farida binti Veerankutty [Timbalan Pengarah Audit Sektor Audit Prestasi]  
 Encik Mohd Faidzal bin Abu [Ketua Penolong Pengarah Audit Sektor Audit Prestasi]  
 Puan Ilyia Munirah binti Othman [Penolong Pengarah Audit Sektor Audit Prestasi]

samb/-

**HADIR BERSAMA (samb/-)****Kementerian Kewangan**

Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen Parlimen dan Kabinet]  
Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha Unit Kawalan Pemantauan (LKAN & PAC)]  
Encik Mohammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha Unit Kawalan Pemantauan (LKAN & PAC)]

**Jabatan Peguam Negara**

YBhg. Datuk Amirudin bin Abd. Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat]  
Puan Nawal Nadia binti Azimuddin [Pegawai Undang-undang]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

YBhg. Dato' Shamshun Baharin bin Mohamad Jamil [Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pencegahan / Ketua Pegawai Maklumat (CIO)]

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Unit Laporan Ketua Audit Negara dan Operasi Khas)]

**Jabatan Akauntan Negara**

Puan Zuriyanti binti Abdul Hamid [Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi]

**Kementerian Hal Ehwal Ekonomi**

Encik Mohd Zulkifli Harun [Timbalan Pengarah (Perumahan dan Kerajaan Tempatan) Bahagian Perkhidmatan Sosial]

**SAKSI-SAKSI****Dewan Bandaraya Kuala Lumpur**

YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad dahan [Datuk Bandar Kuala Lumpur]  
Puan Fadzilah binti Abd Rashid [Pengarah Jabatan Undang-undang dan Pendakwaan]  
Tuan Haji Nurazizi bin Mokhtar [Pengarah Jabatan Perancangan Bandaraya]  
Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid [Pengarah Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan]  
Encik Che Azhar bin Che Abdullah [Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta]  
Encik Mohamad bin Hamim [Pengarah Jabatan Kewangan]  
Encik Zulyazri bin Ismail [Pengarah Jabatan Ukur Bahan]  
Cik Siti Aisyah binti Zainal Abidin [Pegawai Undang-undang, Jabatan Undang-undang dan Pendakwaan]  
Cik Fadzilah binti Ahmad [Pegawai Penilaian, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta]

**LAPORAN PROSIDING****MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KEDUA****Selasa, 20 Ogos 2019****Bilik Jawatankuasa 1, Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.07 pagi***[Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini Ahmad mempengerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Pengerusi:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, selamat pagi dan juga selamat datang kepada semua. Yang Berhormat Naib Pengerusi PAC Parlimen, Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen Keempat Belas. Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah akan datang tak lama lagi. Dia ada mesyuarat dengan Speaker. Selepas itu berada juga dengan kita adalah ex-officio PAC Parlimen daripada pelbagai kementerian iaitu Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Peguam Negara (AGC), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan juga Jabatan Akauntan Negara.

Pertamanya, saya hendak ucapkan ribuan terima kasih kepada semua di atas kehadiran dalam Mesyuarat PAC Parlimen pada hari ini. Pada pagi ini, Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua yang hadir, mesyuarat ini akan meneruskan mesyuarat prosiding berhubung penjualan tanah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Semalam di dalam perjumpaan kita, kita ada maklumkan selepas sahaja habis sahaja prosiding ini, kita akan berhenti dulu bagi membolehkan Audit untuk masuk ke dalam DBKL. Akan hadir di hadapan kita pada hari ni adalah Yang Berbahagia Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan yang juga merupakan Datuk Bandar Kuala Lumpur. Dia akan hadir bersama dengan barisan pengurusan kanan DBKL.

Jadi, saya ingin mengingatkan Ahli Mesyuarat bahawa ini adalah prosiding yang keempat yang membabitkan isu ini dan selepas ini, seperti yang saya katakan, kita akan berhenti sebentar untuk membolehkan— kita akan menangguhkan prosiding ini sehingga satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Cuma, saya hendak minta maklum balas daripada Audit mengenai pengauditan khas ataupun audit prestasi DBKL ini khususnya yang membabitkan Yayasan Wilayah Persekutuan seperti yang kita telah setuju semalam. Ini kerana saya dimaklumkan kalau Audit untuk audit

mana-mana untuk masuk, dia mesti diwartakan. Jadi boleh tak saya minta maklum balas daripada Jabatan Audit Negara mengenai perkara ini?

**Puan Yusnani binti Zakaria [Pengarah Bahagian Audit Prestasi I, Jabatan Audit Negara]:** Boleh, Tuan Pengerusi? *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Pengerusi. Saya sudah check mengenai *this* yayasan as CLBG. So, dia memang tidak ada dalam warta kita. Saya pun tak pasti kenapa. *Because* kalau kita tahu, memang kita akan wartakan, *so that it should be audited*, tetapi kemungkinan— tidak pastilah kemungkinan *it was sponsored by* orang lain kah, *other person* kah, bukan *from DBKL*, saya tak pasti. Bukan duit DBKL. Itu kita akan siasat lanjutlah *that one*.

Akan tetapi dari segi pengauditan ini, kita boleh masuk DBKL as satu pengauditan khas untuk mengaudit dia punya *the scope* yang dimaklumkan semalam, tetapi apabila hendak masuk yayasan itu, kita perlukan macam arahan daripada— yang pernah kita buat sebelum ini ialah kita mendapat arahan daripada Menteri Kewangan untuk diarahkan kita untuk masuk. *Then*, kita boleh masuk.

■1010

**Tuan Pengerusi:** Bermakna daripada maklum balas yang diberikan oleh Audit tadi, jadinya ia akan ada dua perkara. Kita di pihak PAC, pertamanya, hendak minta membuat siasatan mengapa yayasan ini tidak diwartakan. Mungkin boleh maklumkan kepada kita kemudian apabila sudah mendapat keputusan itu. Selepas itu yang keduanya pula, kita boleh minta— siapa yang mengeluarkan surat itu nanti, Encik Johan?

**Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Saya akan mengeluarkan surat kepada Menteri Kewangan untuk membolehkan supaya Audit masuklah. Kita buat ikut prosedur seperti yang kita buat sebab sebelum ini pernah dibuat perkara yang sama. Jadinya kita pun boleh buat juga untuk kali ini. Ini bukan sesuatu yang baharu pun. Boleh ya? Kita boleh bersetuju mengenai perkara tersebut? Jadi kalau tidak, nanti dia tidak boleh hendak audit terus. *[Disampuk]* Ya lah, ia akan menjadi satu yang boleh dipertikaikan.

Kalau tidak ada apa-apa, kita mulakan mesyuarat pada hari ini. Saya minta supaya sekretariat kita menjemput Yang Berbahagia Dato' Nor Hisham untuk memberikan penjelasan dan pandangan berhubung isu penjualan tanah DBKL. Terima kasih.

*[Saksi-saksi masuk mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]*

**Tuan Pengerusi:** Okey, saya hendak mengucapkan— bagi pihak semua ahli PAC, saya hendak mengucapkan selamat datang terutamanya kepada Yang Berbahagia Dato' Nor Hisham Ahmad Dahlan dan juga barisan pengurusan tertinggi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Terima kasih kerana sudi pada hari ini hadir dalam mesyuarat prosiding PAC Parlimen yang membabitkan isu penjualan tanah milik DBKL.

Untuk makluman Yang Berbahagia Dato' dan semua yang hadir, Jawatankuasa ini memulakan prosiding berhubung isu ini dengan menggunakan punca kuasa daripada Peraturan Mesyuarat 77(1)(d) yang jelas menyebut bahawa Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dilantik pada awal tiap-tiap Parlimen kerana memeriksa apa-apa perkara yang difikirkan oleh Jawatankuasa ini patut diperiksa atau apa-apa perkara yang diserahkan oleh Majlis kepada Jawatankuasa.

Jadi untuk pengetahuan Yang Berbahagia Dato' juga, PAC Parlimen telah memulakan prosiding berhubung dengan isu penjualan tanah milik DBKL ini pada 4 April 2019. Pada ketika itu, kita telah memanggil Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Tuan Haji Khalid Samad, Menteri Wilayah bagi mendengar penjelasan dan keterangan daripada beliau. Pada 23 April 2019 pula, Jawatankuasa ini telah mendengar penjelasan daripada Yang Berbahagia Datuk Siti Zainab binti Omar yang merupakan Peguam Cara II yang mewakili Yang Berbahagia Tuan Tommy Thomas, Peguam Negara bagi mendapatkan penjelasan daripada pihak Pejabat Peguam Negara.

Seterusnya selepas itu, kita telah memanggil Yang Berbahagia Datuk Mohd Shukri Abdull yang ketika itu beliau adalah Ketua Pesuruhjaya SPRM. Manakala semalam, PAC Parlimen pula telah mendengar penjelasan dan pandangan daripada seorang peguam yang juga Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Yang Berbahagia Tuan Derek John Fernandez.

Jadinya, ahli-ahli mesyuarat sekalian, berikutan isu ini, walaupun tidak melalui proses pengauditan daripada Jabatan Audit Negara dan tidak dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, PAC Parlimen menetapkan terma rujukan atau TOR bagi siasatan terhadap isu itu.

Pertamanya, terma ataupun TOR itu adalah mengenal pasti manual operasi standard ataupun SOP penjualan tanah milik DBKL. Kemudiannya, mengenal pasti manual operasi standard pembangunan tanah di bawah seliaan DBKL, sama ada DBKL memberikan serta memasukkan ruang pandangan yang diberikan kepada penduduk terhadap pembangunan di sesuatu kawasan. Ketiga, jumlah keluasan tanah milik DBKL yang belum dibangunkan serta pecahan kawasan hijau, rekreasi, kediaman dan komersial yang terkesan menerusi pemakaian versi akhir *Kuala Lumpur City Draft Plan 2020*.

Keempat, status tanah meragukan yang dijual serta tindakan diambil pihak kementerian dan DBKL. Kelima, sama ada wujud kepentingan konflik dalam isu ini terutama sekali menerusi penglibatan Yayasan Wilayah Persekutuan dalam penjualan tanah milik DBKL atau pemaju bersama untuk tanah-tanah berkenaan. Terakhir juga dalam TOR kita adalah status kes tanah Rimba Kiara.

Sehubungan dengan itu, saya sudah terangkan ataupun saya sudah sebutkan mengenai TOR dan sekretariat sudah bagi juga TOR kepada Yang Berbahagia Dato', dan tanpa membuang masa lagi, kita boleh memulakan prosiding kita pada hari ini. Jadi, dipersilakan Yang Berbahagia Dato' Nor Hisham untuk memulakan pembentangan dan memberikan penjelasan. Dipersilakan.

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan [Datuk Bandar Kuala Lumpur]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

**Tuan Pengerusi:** Dato', saya minta maaf. Sebelum memulakan, minta Dato' memperkenalkan pegawai-pegawai. Terima kasih.

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Salam sejahtera. Di sebelah kanan saya ialah Tuan Haji Nurazizi iaitu Pengarah Perancangan. Encik Mohamad bin Hamim ialah Pengarah Kewangan. Encik Che Azhar ialah Pengarah Jabatan Penilaian. Encik Zulkifli ialah Pengarah Juruukur Bahan. Di sebelah kiri saya ialah Puan Fadzilah, Pegawai Undang-undang dan di sebelahnya ialah Tuan Haji Azmi ialah Jabatan Pembangunan Ekonomi DBKL.

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Kalau berdasarkan kepada TOR yang diterangkan di sini, bagi pihak kami, kami tidak mahu lagi untuk menunjukkan apa yang pernah kami tunjukkan— 97 buah tanah, 84 dan sebagainya. Tidak payah. Kita terus kepada nombor satu iaitu SOP penjualan tanah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. SOP ini memang telah berada sejak— saya ingat SOP ini saya lebih kepada pihak Tuan Haji Azmi lah sebab dia yang membuat SOP ini. Saya minta Tuan Haji Azmi.

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid [Pengarah Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Yang Berbahagia Dato, tuan-tuan dan puan-puan serta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Untuk makluman ahli mesyuarat, penjualan tanah DBKL ini sudah bermula *since 2011*. Ini bermakna dalam konteks ini, kita telah pun menggariskan enam SOP— pengalaman kronologi yang SOP telah dilaksanakan sepanjang daripada tahun 2011 sehingga sekarang. Kalau kita merujuk kepada *page* nombor 10, Yang Berhormat, dalam *slide presentation* yang kita sediakan, sebelum tahun 2015, kita tidak ada satu prosedur pun mengenai proses kerja untuk penjualan tanah. Ini bermakna semasa itu, kita hanya berdasarkan kepada yang mengemukakan

permohonan, kita proses, kita kemukakan kepada jawatankuasa untuk kelulusan. Tidak ada prosedur yang disediakan.

**Tuan Pengerusi:** Jawatankuasa apa?

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Jawatankuasa Penswastaan, semasa itu, tetapi tidak ada prosedur yang kita nyatakan secara jelas dekat mana-mana semasa itulah, Yang Berhormat.

Kemudian kita mula mengorak langkah pada Januari 2015 sehingga November 2015, kita telah merangka satu lagi— saya kata merangka di peringkat dalaman kita— senarai semak sebagai panduan di Bahagian Penswastaan ini. Bermaknanya senarai semak ini kita ada detil senarai semak berkenaan. Di situ lah bermulanya kita *start* menggunakan senarai semak berkenaan bagi semua permohonan untuk tujuan-tujuan sama ada pembelian tanah DBKL.

#### ■1020

Susulan daripada itu, kita telah pun— setelah senarai semak kita sediakan, kita cuba tambah baik pada Disember 2015 yang mana kita telah menggunakan satu prosedur yang agak *detailed*, di mana di situ ada *flowchart* dan sebagainya, yang mana di situ kita telah rangka satu prosedur agak *detailed*. Kita nyatakan *flow by flow* yang mana, contohnya, buat *submission* kepada DBKL— kita ada jawatankuasa tertentu— kemudian kita akan masuk dalam jawatankuasa yang lebih besar untuk diluluskan. Ia ada *flowchart* semua.

Akan tetapi, untuk makluman Yang Berhormat juga, semasa itu kita belum ISO-kan prosedur berkenaan. Sehinggalah kita ISO-kan prosedur berkenaan pada— *next slide*. Pada Februari 2017, kita telah pun meng-ISO-kan di peringkat DBKL yang mana kita juga telah gunakan sebagai panduan kita dalam kita melaksanakan kerja-kerja yang kita laksanakan untuk penjualan tanah. Bermula daripada situ, kita go agak *detailed* di situ. Juga, prosedur ini kita ISO-kan. Kita gunakan *guideline* kita sehingga Disember 2017.

Kemudian, pada 1 Januari sehingga 14 September, kita cuba tambah baik ISO berkenaan sebenarnya. Kerana apa? Semasa itu ada pandangan-pandangan mengatakan supaya kita detail-kan ISO berkenaan dengan ada elemen-elemen tender terhad, tender terbuka dan sebagainya. Kita telah kemas kini.

Seterusnya, kita kemas kini semula ISO berkenaan pada 15 September 2018 hingga kini yang mana terdapat teguran daripada pihak SPRM sendiri mengatakan jawatankuasa urus setia yang mengendalikan proses kerja ini fungsinya perlu dikongsi bersama dengan jawatankuasa lain. Maknanya, jawatankuasa yang memproses lain dan membuat keputusan lain. Ini susulan teguran daripada SPRM sendiri semasa itu.

Seterusnya, untuk makluman ahli mesyuarat, kita akan buat lagi pindaan pada ISO ini. Kerana apa? Kita telah dipanggil oleh pihak SPRM dalam bulan Julai baru ini supaya kita tambah

baik prosedur berkenaanlah. Kalau kita lihat dalam konteks— yang *page* yang terakhir. Kita pergi ke *page* nombor 12 misalannya, perkara 2 ya, yang mana untuk makluman ahli mesyuarat, kita telah juga berbincang dengan pihak EPU dan kita cadang dalam konteks untuk ISO ini, kita akan mengguna pakai Garis Panduan Perolehan Hartanah Unit Perancangan Ekonomi tahun 2014. Itu yang pertama.

Keduanya, kita pun akan menggunakan sepenuhnya nilai tanah daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) Kementerian Kewangan. Kemudian, dari segi jentera untuk *monitoring* di peringkat DBKL, kita telah memperkasakan Jawatankuasa Pengurusan Pelupusan Tanah DBKL yang di-*lead* by kita punya Pengerusi Eksekutif kita, Pengarah Eksekutif kita.

Seterusnya, kita juga akan menambah baik tindakan teguran SPRM pada 18 Julai 2019 baru ini di peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan dan kita telah kemukakan beberapa syor penambahbaikan dan akan dibincangkan seterusnya dengan pihak SPRM lah. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, di peringkat DBKL, kita akui, bermaknanya garis panduan yang kita gunakan secara rasminya adalah bermula apabila kita ISO kan perkara itu *since* daripada semenjak tahun 2017, 2018— 2017 lah. Itu keadaan berkenaan.

**Tuan Pengerusi:** Bermaksud sebelum itu tidak ada SOP langsung?

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Tidak ada. Kalau kita tengok yang *slide* tadi, Yang Berhormat, *slide* sebelum ini, sebelum tahun 2017, tidak ada. Akan tetapi, kita hanya wujud jawatankuasa, kita buat mesyuarat, kita tidak nyatakan SOP itu apa.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi perbincangan sebelum ini dalam satu mesyuarat kah...

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Ada, ada.

**Tuan Pengerusi:** Ada mesyuarat itu semua ada? Cuma, tidak ada SOP.

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Tidak bertulis.

**Tuan Pengerusi:** Mengapa?

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Maksudnya apa yang amalan yang berlaku telah dilaksanakan semasa itu, semua ikut. Pegawai akan ikut amalan berlaku, amalan yang telah dilaksanakan semasa itu.

**Tuan Pengerusi:** Sebab, DBKL, tahu?

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Apa maksud amalan?

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Contoh begini ya. Untuk makluman Yang Berhormat, sekiranya permohonan masuk di peringkat DBKL ini, penjualan tanah zaman itu, bermakna pegawai akan ambil pandangan daripada pegawai-pegawai yang sedia ada di situ macam mana proses kerja yang berlaku. Akan tetapi, itu tidak dinyatakan secara bertulis semasa itu.

**Tuan Steven Choong Shiao Yoon [Tebrau]:** Ini bermakna dia case-by-case punya, ada perbezaanlah. Jadi, apa kriteria-kriteria untuk diambil untuk pertimbangan itu berbeza dalam satu kes dengan satu kes ya? Kalau macam ini, tidak ada SOP. Ini akan berlaku kan?

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Betul. Saya rasa di peringkat— kita pun hendak cerita pengalaman lama sebab *teams* baharu ini kebanyakannya masuk tahun 2016, 2017. Memang kita akui, memang bila berlaku begitu memang agak longgar dari segi SOP, contohnya, pemilihan syarikat. Walaupun kita *refer* kepada penilaian daripada *Federal* tetapi *still* orang kata tidak ada— sehingga kita gariskan betul, baru kita ikut *flow* itu.

**Tuan Steven Choong Shiao Yoon:** Saya cuma hendak tanyalah, kalau macam ini, siapa yang akhirnya yang boleh buat keputusan *draw* atau tidak dalam satu transaksi?

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Begini, Yang Berhormat ya. Dalam rekod kita, sememangnya kita tahu untuk transaksi tanah ini mesti *refer* kepada Yang Berhormat Menteri. Itu kita punya...

**Tuan Steven Choong Shiao Yoon:** Ini maknanya dia yang pegang *final decision*-lah?

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Yes, kita akan *refer* dia untuk tujuan penjualan tanah.

**Tuan Steven Choong Shiao Yoon:** Akan tetapi tidak ada garis panduan untuk kita mengawal dia supaya dia tidak lari dari ketetapanlah.

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Betul, betul.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Okey, Encik Azmi ya. Ya lah, ini adalah *a lack of procedure before 2015*, betul?

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Betul.

**Tuan Wong Chen:** *But DBKL is a part of the Federal Government.* Betul?

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Betul.

**Tuan Wong Chen:** *Federal Government must have procedure on tenders, on selling of assets. So, isn't there any direction from Treasury, direction from Accountant General regarding how you should dispose of assets that belongs to Federal Government? This is your internal.* Memang *internal* you tidak ada. You sudah *admitted*, since 2015. *But overall, this is a government thing.* So, what's your opinion? And then I'll ask the Jabatan Akauntan Negara to give an explanation, betul kah, ada kah directive. I am sure there's a directive lah.

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Okey, Yang Berhormat ya. Saya punya pandangan, semasa itu, oleh sebab— kita ini Bahagian Penswastaan ini merupakan unit yang mengendalikan projek-projek penswastaan. Bermakna dalam pakej semasa itu, kita ada pakej *joint venture*, *land swap*, pajakan dan akhir sekali, idea baharu, adalah dalam konteks penjualan tanah. Itu rujukan dalam lingkungan tahun 2011, tidak silap saya.

**Tuan Pengerusi:** Idea baharu, maksud idea baharu penjualan tanah ini, tahun berapa?

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Dalam lingkungan tahun 2011.

**Tuan Pengerusi:** Tahun 2011?

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Tahun 2011 itu

**Tuan Pengerusi:** Tahun 2011, sekarang ini bermaknanya lapan tahun sudah.

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Lapan tahun. Bermula— sebab yang kita lihat, mungkin semasa itu kemungkinan berlakunya satu dasar berubah di peringkat DBKL, satu proses yang kita cuba *introduce a new concept*— penjualan tanah.

Kita akui bila berlaku penjualan tanah ini, di peringkat itu sememangnya semua berlaku di peringkat DBKL. Tanah DBKL, kita *refer* kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab di Kementerian Wilayah Persekutuan. Setakat itu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Okay, I stop you there. Bila tadi katakan *final decision will be Minister*— ya? Sebab tadi encik yang maklumkan mengenai perkara tersebut. Bila persetujuan ataupun *final decision* itu dibuat, adakah ia dibuat secara bertulis atau melalui perbincangan, ada nota, ada arahan? Macam mana caranya?

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Ia amalan semasa itu ya— saya kata amalan ya. Memang ada jawatankuasa di peringkat DBKL— Jawatankuasa Pandu. Memang jawatankuasa itu memang di peringkat Datuk Bandar, memang ada.

**Tuan Pengerusi:** Jawatankuasa Pandu?

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Jawatankuasa Pandu Penswastaan.

**Tuan Pengerusi:** Jawatankuasa Pandu ini boleh juga mempengaruhi keputusan Yang Berhormat Menteri? Ya atau tidak?

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Jawatankuasa Pandu ini boleh mempengaruhi keputusan Yang Berhormat Menteri kalau sekiranya ada justifikasi yang rasa-rasanya boleh kita pertikaikan.

**Tuan Wong Chen:** Tetapi *final say* Yang Berhormat Menteri lah. Betul tidak?

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Betul.

**Tuan Wong Chen:** You can complain ten thousand things tetapi suka dialah, eventually. Isn't it? Under the law, Menteri has full powers. Correct?

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** [Ketawa]

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Yes or no sahajalah.

**Tuan Pengerusi:** Cepat kena jawab. Kena jawab. Ini kita bertanya.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Yes or no sahaja.

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Kalau pandangan saya, yes.

**Tuan Wong Chen:** Tetapi, soalan saya tadi itu— ya lah, *you are a part of the Federal Government. Federal Government— maybe I'll ask the Jabatan Akauntan Negara dahulu ya.* Ada tidak *directive* untuk *disposal of government assets?*

**Puan Zuriyanti binti Abdul Hamid [Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi, Jabatan Akauntan Negara]:** Okey, assalamualaikum, selamat pagi. Yang Berhormat semua dan daripada DBKL, saya daripada Jabatan Akauntan Negara.

■1030

Untuk makluman semua, kita memang ada pekeliling di bawah pengurusan aset kerajaan dan termasuklah juga untuk pelupusan aset. Cuma, pekeliling kita itu, kita memang panjangkan kepada badan berkanun dan juga kerajaan negeri tetapi terpulang kepada pihak badan berkanun sama ada untuk *adopt* ataupun tidak sepenuhnya. Dia boleh *adopt* sepenuhnya ataupun tidak pekeliling yang dikeluarkan oleh kita punya *central agency* ini. So...

**Tuan Wong Chen:** Jadi, semua Menteri kena ikut tetapi badan-badan lain tidak payah ikut dan juga negeri-negeri tidak payah ikut? *Is that the position?*

**Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen Parlimen dan Kabinet, Kementerian Kewangan]:** Sebab, Yang Berhormat, mereka boleh buat pekeliling mereka sendiri. Kalau sekiranya mereka tidak hendak buat dan guna cara yang paling mudah, ia adalah dengan *adopt* terus pekeliling yang telah dibuat oleh kementerian. DBKL dia ada *parent*. *Parent* dia adalah Kementerian Wilayah Persekutuan. *By right*, boleh rujuk terus ke Kementerian Wilayah Persekutuan untuk urusan berkaitan pelupusan ini semua. Pekeliling daripada kementerian memang lengkap.

**Tuan Wong Chen:** So, what I am saying is...

**Tuan Pengerusi:** Puan Fadzilah, ada tidak *advice* kepada DBKL? Sebab Puan adalah Pengarah Jabatan Undang-undang. Jadinya, perkara seperti ini mungkin di dalam pengetahuan Puan. Boleh...

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid [Pengarah Jabatan Undang-undang dan Pendakwaan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur]:** Yang Berhormat, dari sudut perundangannya, DBKL adalah pihak berkuasa tempatan. Memang kita telah rujuk kepada Jabatan Peguam Negara *way back* dahulu, *which I can't recall the actual date*. Dia menyatakan as PBT, kita tidak tertakluk secara automatik kepada mana-mana pekeliling perkhidmatan atau perbendaharaan, melainkan kita terima pakai atau kita terima pakai secara total atau dengan pengubahsuaian. So, that is very clear. Kita memang dapat *written opinion* daripada AG berkaitan dengan pemakaian pekeliling-pekeliling terhadap DBKL.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Daripada AG?

**Puan Fadzilah binti Abdul Rashid:** Yes.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Walaupun sebenarnya macam DBKL ini sebuah badan berkanun tetapi...

**Puan Fadzilah binti Abdul Rashid:** Maaf. Kita adalah pihak berkuasa tempatan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Pihak berkuasa tempatan ya. Walaupun pada ketika tersebut tiada SOP yang terang dan jelas, tetapi apa juga penjualan adalah berdasarkan daripada JPPH, Jabatan Penilaian. Jadi, itu amalan kerja yang dahululah.

Jadi selain daripada itu, ada atau tidak proses-proses macam tender kah ataupun cara Jawatankuasa Pemilihan? Kalau ada tawaran-tawaran, dua atau tiga tawaran, siapa yang buat keputusan untuk pemilihan ini?

**Tuan Pengerusi:** Tuan Haji Azmi, sebelum jawab, saya hendak minta pegawai daripada Peguam Negara untuk...

**Datuk Amiruddin bin Abd. Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat, Jabatan Peguam Negara]:** Pekeliling-pekeliling yang telah dikeluarkan oleh kerajaan kebiasaannya pekeliling-pekeliling ini juga dibuat berdasarkan Akta Tatacara Kewangan dan ia hanya terpakai kepada kerajaan. Memandangkan badan berkanun atau kerajaan negeri adalah *separate legal entity from the government*, ia menjadi *persuasive* sahaja. Terpulang kepada badan-badan berkenaan untuk menerima pakai atau menerima pakai dengan pengubahsuaian. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Tuan Haji Azmi, boleh jawab dahulu.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Sekejap, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Nanti sekejap. Suruh dia jawab dahulu, *then I will...*

**Tuan Wong Kah Woh:** *This one. This one. On this.* Okey, boleh tidak saya *confirm*-kan? Tadi *I think* Puan Fadzilah telah pun menyatakan dengan amat *clear*, *then our friend from AG as well*. So, situasi sama ada hendak *adopt* atau tidak hendak *adopt* ini bukan sahaja untuk DBKL tetapi untuk kerajaan-kerajaan negeri lain, betul tidak?

**Beberapa Ahli:** Betul.

**Tuan Wong Kah Woh:** *So, the kerajaan negeri also having the same position lah. Okay.*

**Tuan Wong Chen:** *Follow up. It is very simple—to the Datuk from the Attorney General Office. In this case, it is a bit strange because the Menteri is the Menteri of the Wilayah, Menteri of the Federal Government and Menteri of Putrajaya. But he made decision for DBKL. That is definitely an overlap here. Isn't all the Ministers bound by the Pekeliling? It is, right?*

**Datuk Amiruddin bin Abd. Rahman:** *It is not the Minister, it is the kerajaan.* Now, di mana kerajaan—Akta DBKL juga memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk memberikan

arahan-arahan yang bersifat umum termasuklah pemakaian garis panduan, pekeliling dan sebagainya kepada DBKL. Itu boleh dibuat oleh Menteri.

**Tuan Wong Chen:** *No, no. Okay...*

**Datuk Amiruddin bin Abd. Rahman:** Itu terpulang kepada DBKL sendiri untuk menerima pakai atau sebaliknya.

**Tuan Wong Chen:** *Let me put it in a different way, okay. Say the Minister of Defense hendak jual tanah. Dia kena ikut pekeliling, betul? That is for sure, right? In this case, the Minister of Federal Territory, his only job is to look after you, Putrajaya and also Labuan. You are directly under him. There is no other job. He is not building hospital, not building school. How is it possible that he is not bound by this pekeliling? He must be bound by the pekeliling. Personally as the Minister, therefore by extension, if he is making decision on behalf of DBKL, he must be bound by it also.*

**Datuk Amiruddin bin Abd. Rahman:** *Bound by...*

**Tuan Wong Chen:** *By the pekeliling. He has to follow lah.*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Amiruddin bin Abd. Rahman:** *That is why he is making his decision.* Akan tetapi, keputusan untuk menjual atau tidak, *still* keputusan DBKL yang memberikan *recommendation* atau syor kepada Menteri. So, di dalam memberikan *recommendation* itulah yang sewajarnya ia perlu dibuat berdasarkan suatu garis panduan tertentu. Dalam kes kerajaan telah memanjangkan pekeliling yang ada untuk diterima pakai oleh DBKL atau tidak, *so*, itu terpulang kepada DBKL lah.

**Tuan Wong Chen:** Tidak, tidak. Soalan saya ialah sama ada pekeliling ini *bind the Minister?* *Are all the ministers bound by the pekeliling? Minister of Defense is Federal or not?*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Wong Chen:** *No, no. Okay, Federal Ministers are bound by this pekeliling or not?*

**Datuk Amiruddin bin Abd. Rahman:** Pekeliling ini adalah kepada kakitangan kerajaan yang mentadbirkan kewangan menurut Akta Tatacara Kewangan.

**Tuan Pengerusi:** Okey, kita balik semula kepada Tuan Haji Azmi tadi sebab Yang Berhormat daripada Subang ada menanyakan soalan tadi. Minta supaya *response* mengenai perkara tersebut.

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Yang Berhormat, soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat daripada Jasin tadi yang berkaitan dengan selain daripada *direct negotiation*, ada atau tidak tender atau sebagainya. Saya akui lah, sebenarnya rekod-rekod yang kita ada, kita akui

dalam rekod kita ada kes berlaku dibuat secara tender. Tender terhad lah. Ada. Memang ada tetapi tidak banyak.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Encik Azmi, saya sudah nampak terang sedikitlah. Sekurang-kurang apabila *you* punya pengarah undang-undang ada sebut tadi bahawa tidak tertakluk, setelah mendapat penjelasan daripada Pejabat AG. Akan tetapi, saya yakin, selain daripada berdasarkan daripada JPPH, ia mungkin ada tatacara yang tidak termaktub dalam SOP tetapi ada cara yang tersendirilah. Itu yang pertama.

Keduanya sekarang, walaupun tatacara ini tidak tertakluk dan hanya kepada pelaksana dasar— pegawai-pegawai ialah pelaksana dasar— keputusan terakhir kepada Menteri. Menteri ini tertakluk atau tidak kepada yang semua tatacara kewangan ini?

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Boleh tidak saya fokuskan kepada— Yang Berhormat, saya bagi pandangan ya. Kalau Yang Berhormat tengok kita punya prosedur penambahbaikan yang kita lampirkan di page nombor 12 ini, kita akuilah yang dibangkitkan oleh pihak EPU adalah merupakan— yang pertama itu ialah menerima pakai Garis Panduan Perolehan Hartanah Unit Perancang Ekonomi. Ini yang kita bincang tadilah.

**Tuan Wong Chen:** Baik, Encik Azmi, dari tahun 2015 onward, *you* kata sudah buat reformasilah. *You* sudah buat prosedur baharu, SOP baharu. Sejak bila konsep *open tender* ini diamalkan? Dari tahun 2015 sampai sekarang. Bila *start open tender*?

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Yang Berhormat, saya pergi ke *slide* yang sebelum ini. Sebenarnya kita memang ada buat satu rangka kerja di sekitaran— Yang Berhormat, kita *start* pada 1 Januari 2018.

**Tuan Wong Chen:** 1 Januari 2018?

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Yes.

**Tuan Wong Chen:** So, for that three years while you rangka itu tidak adalah *open tender*? You masih *negotiate* tender, betul?

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Masih berat kepada *negotiate*.

**Tuan Wong Chen:** Ini susah ini. But anyway, we are here to see, to really ask one of the big question is, how did you manage to settle 97 cases or drop many cases or refer to MACC? Do you have an SOP for settlement? This SOP is for pelupusan tanah, selling. We are more interested on how your Ministry or how your DBKL and the Minister settled so many cases which have been alleged to have issues so fast.

■1040

*What is your SOP? This is also for Puan Fadzilah. What SOP do you have to settle cases? Because what we hear so far is orang beli tanah murah, nego, kita semak dan nampak*

dia bayar kurang RM10 juta, suruh dia bayar balik RM10 juta, jalan. *How is this possible? Is that your standard SOP? It is a very simple question. Is this dasar DBKL, dasar Menteri? If I rob a bank today, the people don't ask, I steal RM10 million, tak payahlah, no issue. You catch me, I bagi balik RM10 juta, jalan. I mean, is this the dasar?* Apakah SOP untuk settlement of dubious or allegedly dubious cases? That has been raised by Lim Lip Eng, you know, by all these Members of Parliament last time.

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Yang Berhormat, kalau kita tengok dari segi background isu ini timbul, kalau kita imbas kembali, saya rasa isu di-highlight oleh pihak Yang Berhormat Kepong adalah di sekitaran pada bulan Mei 2018, tak silap saya, setelah election kita selesai. Semasa itu kita sedia maklum isu ini timbul. Bila isu ini timbul, kita disambut oleh pihak Kementerian Wilayah sendiri. Menteri sebagai Menteri sendiri telah mewujudkan jawatankuasa di peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan iaitu Jawatankuasa Transaksi Tanah Milik DBKL. Di sifilah platform yang mana Yang Berhormat Menteri cuba bantu untuk melihat perkara-perkara yang telah pun ada komitmen ataupun dalam proses untuk ada agreement yang perlu ditandatangani semasa itu. Itulah hasil yang Yang Berhormat sedia maklum yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri baru-baru ini. Itulah antara jalan-jalan penyelesaian yang telah cuba dibuat oleh pihak kerajaan semasa yang sekarang inilah.

Kenapa diambil consideration? Bahawa most of the projects ini telah pun ada komitmen dari segi dah sign agreement dan ada yang di antaranya telah pun siap dan ada yang telah under construction.

**Tuan Wong Chen:** Saya faham. Itu penerangan ataupun keterangan daripada Menteri. Kita dah buat, PAC dah tanya. *I think some of us happy, some of us not happy*, tidak apalah, itu PAC punya job. *What I am asking— sebab you are coming here to testifying on procedure, correct?*

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Ya.

**Tuan Wong Chen:** *Is there a procedure for settlement? You have testified a procedure for disposal of land, pelupusan tanah. Can I hear your procedure for settlement? Do you consult first the Auditor General? Or do you consult the Attorney General? Or do you consult your legal advisor? What is the procedure? What is the dasar? Pulangkan balik duit, settle? That's your dasar, is it? Or is it you have to punish them or blacklist them? These are basic questions. How is it somebody steal something from the government, all they have to do is give back the money, jalan, dapat DO? Is that a procedure? Is this what we are talking about? I know your Minister saved a lot of money, got back money for the country, good, but what is the procedure for dealing with a problematic case?*

Ada kes *allegation* yang betul-betul *you admit got 97 cases— right?— 64 that Lim Lip Eng raised. When you have these cases, what is the procedure to deal with it? What steps do you take? Do you first consult MACC? Do you do your own negotiation? What is the step? Is there a counsel to discuss it? You discuss with the Mayor? You discuss with the Members of Parliament?* Prosedur untuk handle legacy cases lah. Ini bukan starting from you all, I kenal, I know, but how do you deal with this kind of cases? Is there a procedure? Yes or no? You got procedure, tell me. Don't have, don't have lah, you just tell lah, ikut sukalah kita.

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Yang Berhormat, minta maaf. Saya pun nak minta penjelasan Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat berpendapat untuk yang prosedur yang new cases ataupun...

**Tuan Wong Chen:** No, no. Cases yang di depan kitalah.

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Depan.

**Tuan Pengerusi:** We are talking about yang dalam...

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Dalam konteks harga semua tujuh tanah itu, kita based on whatever yang telah diputuskan.

**Tuan Pengerusi:** Bukan. Tapi ia mesti ada SOP dalam cara kita nak buat *settlement*, DBKL nak buat *settlement*. Sebelum meneruskanlah jualan tersebut, adakah ianya bila dah buat sahaja, selesai? Ataupun kena rujuk dulu harga ataupun tanya juga pendapat penduduk sebelum kita selesai dengan satu-satu perkara itu dulu? Ataupun sendiri buat keputusan? Sendiri buat keputusan, okey, since kita dah buat, kita dah ada *intention* untuk beli, jadinya sekarang walaupun ada *argument*, walaupun orang marah pun tapi dah beli, terus saja jual. Tak payah nak tanya dengan siapa-siapa, tak payah nak bincang dalam jawatankuasa. You buat keputusan sendiri. Encik Azmi buat keputusan sendiri. Dah buat, buat. Buat keputusan sendiri. Adakah macam itu?

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Bukan saya buat keputusan, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Itulah saya nak tanya SOP itu. Itu yang tadi Yang Berhormat tanya, adakah tidak SOP itu?

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Mungkin sebelum menjawab itu, Tuan Pengerusi, saya hendak tambah. Ini kerana sebelum ini semasa Menteri beri penjelasan, kami dimaklumkan Pejabat Peguam Negara telah menyediakan kertas— bukan kertas pendakwaan. Afidavit.

**Tuan Wong Kah Woh:** Penyataan tuntutan. *Statement of claim.*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Penyataan tuntutan, *statement of claim* bagi sesetengah transaksi, bukan semua. Jadi, kami juga— maksudnya sampai ke tahap itu, *there were statement*

*of claim even prepared for some of the transactions.* Jadi, it's important untuk tahu dari segi proses yang telah dijadikan panduan oleh DBKL sebelum memutuskan kepada semua transaksi dan penyelesaian. *So, you have to understand, not just discussion tapi dah ada statement of claim for some of the cases.* So kalau ada *at least some guidance to the best of your knowledge, it will help us.*

**Tuan Wong Chen:** Saya hendak sambung sedikit dengan Yang Berhormat Permatang Pauh. *We also heard the testimony of government's officer specifically from the Attorney General Office alerting their own officer that sit in your meeting that the procedure is not right. I mean this is serious allegation. What I want to know, bila you ada problem kes sebanyak 97 ini— some dah bina, dah buatlah, history is history. Some you re-nego, betul?*

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Betul.

**Tuan Wong Chen:** *Some you forward to MACC. What is the procedure for you to make those decision? That is what we want to know. Because the AG Office, one of the officer's testimonies and I cannot share too much to you, she was a bit concerned about procedure.*

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat sekalian, *are we now telling that SOP yang ada sekarang yang mana yang bawa sampai sekarang ini? Untuk yang present one, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, yes, we control. Especially as a Mayor, kena control that one. No more.*

Maksudnya kalau apa-apa pun juga termasuk apa yang berlaku sekarang ini tengah hebat di Kiara dan sebagainya itu, *now we tengah tunggu dan— bukan tunggu dan lihat tapi kita buat secara yang terbaik.* Apa-apa juga yang mana yang katakan dah diluluskan untuk dijalankan, itu pun kita jaga juga. Kita akan jaga dan dari segi apa-apalah termasuk *plot ratio, intensiti, dari segi dia punya bangunan, development charge* dan sebagainya itu, kita kena ada *discussion.* *I mean that dalam one stop center (OSC) itu, semua ada.* Maksudnya apa-apa juga benda tidak lagi sebelum macam ini. Sebelum itu, kita kena *one by one.* Itu sebab banyak perkara yang baru-baru ini kebanyakannya setakat itu saja tetapi yang mana yang dah lepas, Tuan Pengerusi, yang dah ada kelulusan itu, mereka teruskan.

**Tuan Wong Chen:** *I agree Dato'.* Dato' ini kawan baik saya. So, don't take my questioning in a very— *this is PAC lah.* Standard kita tanya ini macam peguamlah. So, don't take it personal.

*We are worried about the phase of the settlement.* So, we want to ask yang sudah settle itu, *you ikut apa prosedurnya? That's all.* Pagi ini Encik Azmi dah beritahu prosedur pelupusan. Saya tanya sekarang ada tak prosedur yang sama untuk *settlement of cases?* Lain kali, tak tahu

ada skandal baru kah, apa pun, kena settle juga, betul tak? So, can you all develop an SOP for settlement? That is the issue.

Kalau tidak ada, one of our rumusan, one of our syor is set up a SOP. But you all settled so many cases so fast within one year, we are a bit worried. The public is asking how can you settled so fast. Kita sebagai Ahli Parlimen kena jawab. So, try to help us to answer how did you settle? Did you learn anything from that settlement? Now that we give you our feedback, we also got feedback from AG Office, they are not happy, I am not happy. Many of us are not happy. So, do you have a procedure? Tidak ada, would you do one?

**Tuan Wong Hon Wai:** Ya.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Just a bit more. Sorry, Yang Berhormat, if you don't mind.

And why did you decide not to proceed with the statement of claim which was prepared by the AG Chambers on some of the cases? Because, it is also part and parcel to your forward decision. Maksudnya Pejabat Peguam Negara dah siapkan, dia sebut penyata tuntutan untuk diguna pakai oleh pihak kementerian dan DBKL, tetapi tidak dilaksanakan ataupun *not acted on*. Jadi mungkin kalau diketahui sebab, then it helps us to understand dalam segi keputusan yang diambil di peringkat akhir bagi 97 kes tersebut.

■1050

**Tuan Wong Hon Wai:** Okey, saya membaca muka surat sembilan dan 10 ya. Ada sebut senarai semak, ada sebut prosedur penjualan tanah, prosedur kerja pelupusan, prosedur pelupusan secara tender, prosedur permohonan baharu pelupusan tanah yang semua ada berbagai-bagai tarikh. Ini kerana saya fikir DBKL sebagai kelas bandar raya, prosedur sebenarnya bertulis. Boleh tak DBKL membekalkan sesalinan kesemua senarai semak dan prosedur ini kepada PAC? Ini supaya kita tahu apakah prosedur—*the whole, I mean whatever you said on point 2, 3, 4, 5, 6.*

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Boleh, boleh.

**Tuan Wong Hon Wai:** Kalau amalan, maksudnya tidak ada *written procedure*?

**Tuan Wong Chen:** Soalan itu ialah, ada tak prosedur untuk *settlement*?

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Tak ada. Prosedur bertulis tidak ada.

**Tuan Wong Hon Wai:** Tak ada prosedur bertulis sangat bahaya. Maksudnya...

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Untuk *settlement*. Untuk *settlement*.

**Tuan Wong Hon Wai:** Ya, kalau tak ada prosedur bertulis, maksudnya budi bicara orang tertentu sahaja.

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Bukan. Begini ya. Untuk isu-isu yang dibangkit oleh kes-kes jual tanah yang telah pun lepas dan ada isu-isu yang dibangkitkan oleh pelbagai pihak ini, tentu pihak DBKL kami *based on the whatever decision made by Kementerian Wilayah*. Itu keadaan yang kita gunalah yang mana *at that time* saya rasa ada lebih kurang 23 tanah yang kita rasa yang dikaji semula. Di situ, sekiranya— contoh ya. Kalau berlakunya mengatakan bahawa perlu dinilai semula tanah berkenaan, kami akan buat proses itu. Kami akan hantar penilaian *Federal* untuk dapatkan nilai baharu, kemudian kita akan *inform* kepada pihak syarikat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Ada buat?

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Buat. Kita buat, kita betulkan balik.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Pasal perkara ini timbul, Tuan, kita kena terima hakikat bahawa selama ini sebelum tahun 2015, tiada SOP. Maknanya satu kelemahan...

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Ya, betul.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Kita kena terima hakikat yang itu kelemahan daripada DBKL sebagai badan berkuasa tempatan. Kelemahan kita. Walaupun PUU ada sebut tadi mendapat persetujuan daripada AG tetapi kita tidak mengikut SOP.

Sekarang untuk mengatasi masalah tersebut yang telah kita buat selama ini kerana kelemahan kita, apakah cara lain untuk mendapatkan kembali kerugian yang telah kita tanggung?

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Begini ya, Yang Berhormat. Dalam konteks ini, di peringkat DBKL, kita— memang jawatankuasa di peringkat kementerian banyak memainkan peranan. Jawatankuasa ini masih lagi bersidang di peringkat kementerian. Saya rasa *this year* pun pernah bersidang dalam bulan lepas dan juga akan bersidang lagi di masa akan datang. Yang mana di peringkat DBKL, kami akan bawa untuk Jawatankuasa Pandu di peringkat Datuk Bandar isu-isu berkenaan, kemudian kami akan *forward* kepada pihak kementerian.

**Tuan Wong Chen:** Okey, baik, Encik Azmi. Sebenarnya soalan ini kepada Dato' Nor Hisham. *Can you give us an undertaking— since you don't have a procedure for settlement— to develop one as soon as possible and to consult the Attorney General Office?* Boleh ya?

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Boleh.

**Tuan Wong Chen:** *Thank you.*

**Tuan Wong Hon Wai:** Ya, soalan kepada Mayor ya.

**Tuan Wong Kah Woh:** *I think PUU, I mean Pengarah Undang-undang belum lagi jawab soalan dari Yang Berhormat Permatang Pauh.*

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** Nak respons kepada Yang Berhormat Permatang Pauh tadi, memang Peguam Negara ada memanggil DBKL berkaitan dengan 20 kes penjualan

tanah yang dikategorikan di bawah siasatan lanjut. *It was the instruction of AG then was actually to look into possibility of us getting back the land.*

However, at that point in time bila kita melihat dari segi status of those 20 cases di dalam siasatan lanjut, most of the cases sudah pun dalam pembinaan, tanah-tanah telah pun di-transfer kepada nama developer and tanah-tanah, unit-unit yang telah dibangunkan telah pun dijual.

So, mengambil kira all those factors, that's why we were of the opinion selepas kita berunding dengan KSU Kementerian Wilayah, selepas berbincang dengan Datuk Bandar dan I believe KSU Kementerian pun sudah merujuk perkara ini kepada the present Minister, that is why we decided not to proceed.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Not to proceed?

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** Untuk dapatkan balik tanah-tanah.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Terima kasih atas jawapan. Itu with regards of 20 cases yang dalam bawah siasatan lanjut.

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** Yes.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Saya sebut tentang cases yang sudah disiapkan statement of claims. Because dia sebut clearly that there was a firm already appointed...

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** Yes.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** ...And statement of claims were prepared.

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** Yes.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** ...But they cannot comment as to the decision made by DBKL untuk tidak proceed. So, saya hendak tahu lebih lanjut dari segi bukan sahaja siasatan...

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** Ya, that those are the cases...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** The 20?

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** Yes.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** So you decided to ignore all 20?

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** Yes, because memang dalam kes-kes tersebut, memang tanah-tanah pun telah berpindah milik and then ada yang DO pun telah pun issued, development is already taking place, units have already been sold. So, there are a lot of other issues yang kita dapati sekiranya kita proceed untuk dapatkan tanah-tanah kembali— they are bona fide purchases already yang telah beli.

**Tuan Wong Kah Woh:** Okey, faham. Kami memang memahami sekiranya projek sudah jalan, so there is a problem. Akan tetapi apabila saya merujuk kepada Hansard wakil daripada AG, Datuk Siti Zainab, saya baca di sini ya, "So, in the meeting— Shearn Delamore— those were the advice that there could be a possible recovery of land for 10 transactions".

*You were talking about recovery of land for 10 transactions and action to claim for damages for seven transactions. So, all together 17 because yang tiga lagi, Shearn Delamore sendiri dia ada conflict of interest. So, we are now talking about 17. Dalam 17 ini, Shearn Delamore is of the view that there is possible recovery of land for 10 and damages for the balance seven. So, the statement of claims already been drafted. So, I believe that Shearn Delamore wouldn't be giving out this advice to proceed for the statement of claim without a basis.*

*So, if Puan Fadzilah was trying to say that, "Okay, look, because development order and the construction already been up, so we cannot do", but I think all that facts were surely had been taken into the account by Shearn Delamore being a very big and very reputable firm. So, perhaps what is the content of the statement of claims that you may share with us, so that we will also evaluate from which angle they are going from and from which angle DBKL actually doesn't agree with Shearn Delamore of their statement of claims and not to give an instruction to them to proceed.*

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** Yang Berhormat, actually Shearn Delamore is actually not in our panel. Yes. So, we were instructed by AG untuk appoint Shearn Delamore untuk keskes ini. But when we look into the facts of the case, we are of the opinion—of course, untuk mengambil tindakan seterusnya untuk mendapatkan balik tanah tersebut, we cannot act alone. We have actually consulted and with consensus of Datuk Bandar and of course we have put our paper to KSU Kementerian dari segi hala tuju whether we wanted to proceed, but the decision then was not to proceed. So, we have all these documentation lah.

**Tuan Wong Chen:** Shearn Delamore—sorry.

**Tuan Wong Kah Woh:** Can we have the copy of the draft statement of claims? So that—because I think we have few lawyers here, we can also evaluate.

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** Okey. Yang Berhormat, in fact, as I mentioned earlier, Shearn Delamore is not our panel. So, we were instructed... [Disampuk] Okey, ya, ya. I am just trying to explain the situation. Shearn Delamore is not our lawyer but we were instructed by AG to appoint Shearn Delamore to look into this matter.

*So, when we looked into the instruction, we were of the opinion that mengambil kira the problems that we are going to face if we are going to proceed to get back the land and mengambil kira projek-projek yang kita involve adalah untuk melaksanakan dasar-dasar kerajaan, antaranya rumah mampu milik dan sebagainya dan projek-projek itu sebenarnya is actually on going, upon consultation with Dato'—I repeat again—dan dengan dimaklumkan kepada KSU, of course, we did not proceed. Untuk makluman, we never instructed Shearn Delamore to actually proceed with the statement of claims. We did not.*

**Tuan Wong Chen:** Okey, Puan Fadzilah...

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** And there was no official appointment from us to appoint Shearn Delamore.

**Tuan Wong Chen:** This is very interesting. Okay, Puan Fadzilah, if Shearn Delamore did not act for you, who paid their fees? Let me ask...

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** We have not paid their fees yet.

**Tuan Wong Chen:** No, no. But you are supposed to pay their fees, is it?

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** Exactly. But as I said earlier on and I keep stressing, AG instructed us to appoint Shearn Delamore, and they are not in our panel.

**Tuan Wong Chen:** No. If AG instruct and AG pays, that is just the government...

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** No. AG tak bayar.

■1100

**Tuan Wong Chen:** So AG instruct you to hire a lawyer...

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** Yes.

**Tuan Wong Chen:** ...That wrote a legal opinion, then you did not follow? So—no, no. I mean, it's simple lah. Right? It is your choice whether you want to follow your own legal opinion. The question is instructing or hiring, automatically it depends on who pays the lawyer's fee. Are you bound to pay the lawyer's fee? Let me ask—whether you pay or not is another question but are you bound to pay the lawyer's fee?

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Wong Chen:** So, what they did is for free, is it? Because they love KL so much, they just do for free.

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] They have actually billed us for RM200,000. So, we were arguing as to the quantum and we went through the process of analyzing in terms of the payment. And of course, we have to pay in terms of apa kerja-kerja yang dia buat to date. But we have specifically instructed them not to proceed with the statement of claims because we felt at that time kita tidak hendak proceed with the action untuk proceed untuk ambil balik tanah-tanah dengan mengambil kira, as I mentioned earlier, tanah pun sudah dipindah milik, development telah ongoing, unit-unit already sold to the public who are bona fide purchasers. So, it could be a lot of issues and we will be subjected to a lot of claims later on...

**Tuan Wong Chen:** I understand.

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** Ya. So, that is why we decided we tidak hendak proceed with that. So, AG pun did not say anything. So, it is left...

**Tuan Wong Chen:** *I got two questions. I mean from your explanation and testimony, it is quite clear that you have to pay Shearn Delamore, so therefore they are your lawyers. So, that's settled.*

*Second issue. Are you bound to take advice from the AG Office? Are you like a special body you can do anything you want or is the AG Office has a significant influence on how you manage the legal aspect of DBKL?*

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** *Of course yes.*

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Tuan Pengerusi, boleh?

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya.

**Tuan Wong Chen:** *Maybe we ask the Attorney General Office.*

**Tuan Pengerusi:** *Let Yang Berhormat Tebrau dahulu bertanya soalan.*

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Soalan saya untuk Dato' Nor Hisham. Saya lari sedikitlah kerana semalam kita terima pembentangan daripada seorang peguam, Derek, yang kita terima adalah mengejutkan kita ahli-ahli PAC. *Kuala Lumpur City Plan*, tak silap tahun 2008, selepas bantahan awam, ia tidak digazetkan tetapi akhirnya digazetkan pada tahun 2018. Akan tetapi, itu tidak selaras dengan apa yang sudah *di-finalized* selepas bantahan awam. Ini bermakna banyak tempat dalam *city plan* itu yang sepatutnya dirizabkan untuk *green belt* lah, apa-apa, tetapi sudah ditukar tanpa satu *public hearing again*.

Saya beri satu contoh. Taman Rimba Kiara. Pada asalnya adalah rimba tetapi itu sebelum tahun 2018, yang digazetkan sudah dijual dengan *plot ratio* empat tetapi *development order* menggunakan *plot ratio show 10, density 9.79 percent*. Ini bermakna mengikut ini, KL city council iaitu DBKL sudah menjual tanah ini dengan harga yang murah. Jadi, adakah ini adalah satu *negligence* pada pihak DBKL?

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertama, apabila saya membaca balik sejarah dia mengenai hutan rimba dan juga pelan 2020 ini digazetkan pada bulan Oktober, semasa itu saya pun baru dua minggu— okey tidak apa, saya jawab. Saya baca, saya tengok bahawa *planning* itu sudah dibuat sebelum itu lagi iaitu sebelum tahun 2015 dan pada tahun 2008 lagi mereka sudah buat sudah. Maksudnya benda-benda itu semua sudah ada dalam itu. Apabila baca, tengok, benda itu digazetkan.

Mengatakan bahawa tanah-tanah lapang itu ditukarkan kepada pembangunan sehingga sekarang, ya, memang ada. Saya sebagai Datuk Bandar yang sekarang ini saya pun tidak bersetuju. Itu sebab apabila tahun 2040 punya *local plan* ini yang akan digazetkan pada hujung tahun 2020, *make sure no more high rise, no more the bigger, the largest whatever, we are more*

*on quality life.* Ini bermakna bahawa sekarang ini pun kita jaga. Mana yang terlepas, terlepaslah. Kita agree, we agree on that one.

Berkenaan dengan Hutan Rimba Kiara, apabila saya baca *that* Hutan Rimba Kiara, apabila saya membaca sekali lalu, Hutan Rimba Kiara ini *not only that portion only*, ia sampai ke belakang. Depan— dan sekarang ini masih lagi hutan lagi kan, masih lagi taman itu. Cuma *the portion* yang membuat rumah, yang bekas estet Kiara kah apa itu, itu sahaja.

Apabila saya lihat balik, saya mendengar semua keterangan— sekarang ini lebih kepada ke dalam mahkamah. *Plot ratio* walaupun kita sudah kurangkan dia punya *plot ratio*, sudah tidak ada lagi jalan, jambatan hendak masuk ke dalam dan sebagainya lagi, *still we are waiting*— from mahkamah dan sebab daripada pihak kementerian, daripada Menteri sendiri.

So, dalam hal ini, tanah itu sebenarnya kepada Yayasan Wilayah Persekutuan. Sekarang ini DBKL hanya untuk *control* dari segi *development order*. Kita lebih kepada itu. Itu sebab kita minta dalam OSC, kita kena bincang betul-betul. Apa juga keputusan dan keputusan pada kami, OSC ataupun daripada mahkamah, we have to wait. Kalau katakan apa-apa juga— dan sekarang pun dia punya keputusan itu di samping kita tunggu mahkamah, kita menunggu juga daripada Memorandum Kabinet tentang apa hala tujunya. Itu pihak Yang Berhormat Menteri sudah hantar. Kita tunggu yang itu. Tetapi buat sementara waktu ini *is status quo* macam itu sahaja.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Dato', soalan saya adalah adakah penjualan ini ada unsur-unsur rasuah di sini? Ini kerana sepatutnya ini adalah taman rimba. Siapa-siapa yang membuat keputusan untuk menjual, apa kriteria yang digunakan dan mengapa menggunakan *plot ratio* empat untuk dijual dan bukan *plot ratio* yang lebih tinggi? Ini kerana kalau *plot ratio* ini dikurangkan, harga akan dikurangkan. Siapa yang menentukan itu *plot ratio* empat?

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Sebelum saya menyerahkan kepada Pengarah Perancangan, saya cuma hendak menerangkan sedikit iaitu tanah itu bukannya tanah DBKL ataupun tanah— memang tanah kerajaan tetapi ia adalah tanah Yayasan. Yayasan DBKL.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi yayasan ini bukankah di bawah penguasaan DBKL?

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** *It is not* di bawah DBKL. Yayasan sebenarnya bukan di bawah DBKL. Yayasan adalah di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan. *It is not directly under DBKL.*

**Tuan Pengerusi:** So...

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** DBKL terlibat ini ialah dari segi *development order* itu.

**Tuan Pengerusi:** Okey, maknanya Yayasan ini tadi Dato' maklumkan bahawa apa-apa laporan dibuat oleh Yayasan itu terus kepada Menteri. Jadi DBKL— setuju ya dengan apa yang saya katakan ini? Okey, terima kasih.

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Tuan Pengerusi, saya minta Pengarah Perancangan...

**Tuan Pengerusi:** Sila, sila.

**Tuan Haji Nurazizi bin Mokhtar [Pengarah Jabatan Perancangan Bandaraya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur]:** Tuan Pengerusi, saya hendak menjelaskan bahawa tanah Rimba Kiara tersebut bukannya tanah milik DBKL dan dijual kepada yayasan. Bukan. Ia tidak termasuk dalam senarai tanah-tanah DBKL yang dijual kepada pihak ketiga. Ia merupakan tanah kerajaan dan Yayasan Wilayah Persekutuan di-*alienate* tanah kepada mereka. DBKL hanya sebagai pihak berkuasa perancangan yang meluluskan permohonan yang dikemukakan oleh Yayasan.

**Tuan Steven Choong Shiao Yoon:** Siapa yang duduk dalam Yayasan DBKL? Jawatankuasanya.

**Tuan Haji Nurazizi bin Mokhtar:** Yang duduk dalam Yayasan...

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Saya jawab, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yayasan Wilayah Persekutuan. Bukan Yayasan DBKL.

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Yayasan Wilayah Persekutuan ini dia punya induk. Macam saya as a Mayor, it is automatically apabila duduk kerusi Mayor itu, automatically jadi ahli lembaga yayasan.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

■1110

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Okey, saya tidak setuju. Pada dasarnya, saya tidak setuju, katakan. Memang saya tidak kata. It is not— cukuplah. Jadi Datuk Bandar cukup, tidak payah benda-benda ini— bukan?

**Tuan Pengerusi:** Akan menyebabkan ada conflict of interest.

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Bagi saya...

**Tuan Pengerusi:** ...Kalau salah guna.

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Kalau tidak salah guna pun, saya tidak mahu.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Tuan Wong Chen:** Okey, saya sebenarnya— sebelum kita beralih kepada isu Taman Rimba ini ya. I want to go back to the issue of the settlement. I think that is the main subject matter-lah ya.

*So, the thing I want to know, sebagai dasar DBKL ataupun dasar Yang Berhormat Menteri, when you settled this kind of thing, what is the principle are you applying? I heard from Puan Fadzilah is like kita tidak mahu gaduh, tidak mahu kena sue, sudah start kerja— that one we understand ya. But, going forward, the Minister said he recovered RM250 million— if I am correct, he said RM250 million compensation CSR bagi pada DBKL. That means, it is an admission that something RM250 million was more or less not paid or stolen-lah by the developer. Okay? Nobody gives you free money. They did this because they are guilty of something.*

*First question, is there any admission of guilt by the developers in getting a super deal, now they have to compensate RM250 million?*

*Number two, you may give development order because projek sudah started, sudah jual sudah tanah, jual sudah property to real buyers, tidak boleh tarik balik. What is the principle of the settlement? Don't they have to pay something extra than just return back the money? Saya curi RM10 juta, you bagi balik RM10 juta, cukup? Atau you kena bayar RM10 juta extra as penalty, damages? Is that not considered by you all? This is the thing.*

*The third thing, third question, are you going to blacklist these developers for future projects? I mean, this is fundamental. Nowhere in the world you are caught red handed and all you have to do is, give back the money, pat on the back, sorry, minta maaf or whatever, jalan.*

*Fourth one, have you done any investigation to clean up your officers yang terlibat?*

*I think if you can answer these four, or at least carry out a policy or give me an undertaking you do something about this, then I think we can tell the people that we have already done something to close the chapter. Yang lama cerita lama lah. We are not here to open up old cans of worms. We all know who is responsible. But, going forward, you have to tell the people. Okey, empat perkara. So, either Puan hendak jawab atau Dato' Nor Hisham hendak jawab or anybody, please.*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Saya hendak tambah yang kelima. Because Puan Fadzilah ada sebutkan *you have your own panel of lawyers, were the panels consulted mungkin untuk membuat siasatan dalaman?* Ini kerana di sini tadi ada disebut pihak Peguam Negara membawa cadangan meminta pihak DBKL melantik peguam yang bukan daripada senarai panel. Jadi, saya hendak tanya, *internally, was that done at least consultation or it was just a legal advice?* So that, that faith bit the legal aspect. Walaupun saya faham— you know, *in terms of you have your own considerations, but at the end of the day, why didn't you utilize your own panel of lawyers lah?*

**Tuan Steven Choong Shiu Yoon:** Boleh saya tambah soalan keenam ya? [Ketawa]

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Okey, tadi...

**Tuan Pengerusi:** Sementara ada.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Tadi Yang Berhormat Subang ada kata selepas siasatan, kita dapat baliklah RM250 juta. Saya hendak tanya, baru-baru ini sudah sebut yang sebelum ini tidak ada SOP. Jadi, macam mana proses perundingan untuk dapatkan balik duit itu? Ia berasaskan apa? Jadi, itu asas, kalaularah satu hari saya hendak fail satu kes dengan MACC, adakah ia boleh pertahankan itu harga atau pampasan yang *you* dapat balik itu adalah *fair?* *It is a fair deal?*

**Tuan Wong Chen:** *Penalty you have to give* lah.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** No. *But is it the fair deal first? In the first...*

[*Disampuk*] Ya, *is it a fair deal?*

**Tuan Wong Chen:** *Penalty...*

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Ya, *so you must stand...*

**Tuan Pengerusi:** Okey, okey, *let them* jawab. Okey sudah?

**Tuan Wong Chen:** Cukup.

**Tuan Pengerusi:** Sudah tanya? Semua sudah tanya? Ada lagi soalan hendak tanya?

**Tuan Wong Hon Wai:** Ya, ya, ada.

**Tuan Pengerusi:** Ya, cepat tanya.

**Tuan Wong Hon Wai:** Okey. Tadi *Major* kata akan membekalkan kita dokumen-dokumen prosedur. Saya baca ada lima tadi. Saya baca muka surat sembilan dan 10 ini ya, catatan terhadap nilai tanah, satu isu yang saya hendak bangkitkan iaitu sama ada semua prosedur ini, selain daripada nilai tanah, ada atau tidak *zoning* dijadikan satu *consideration* yang amat penting?

**Tuan Pengerusi:** Okey, silakan Dato'.

**Tuan Wong Hon Wai:** *Zoning* ini. Ini kerana semua tarikh ini merujuk balik kepada *draft local plan* kepada *comprehensive plan*. Adakah *zoning* ini di-*tagged* kepada semua prosedur ini?

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli mesyuarat sekalian. Yang mana saya jawab, saya jawab. Mana yang saya itu, saya akan pass kepada rakan-rakan saya di sini.

Pertama dari segi *officers*, ya, kita bertukar. Kita tukar dan ada juga kita ambil tindakan. Bukan tindakan pasal tanah-tanah ini, tetapi kerja-kerja lain yang kita rasa ada itu, yes, we do.

Keduanya, *blacklist*. Yes, kita *blacklist*. Memang kita ada *blacklist* kepada *companies* ini. Akan tetapi sebagaimana Yang Berhormat faham, bahawa *companies* ini kalau kita tahu *blacklist* A, dia akan buat B kan? B ini pula, bukan nama dia pun dalam itu, mungkin adik-beradik kah

atau semua dia punya proksi kah apa, *we don't know*. Akan tetapi, *that one*, kita— tetapi kalau nama dia ada, kita *blacklist*. Itu kita ambil tindakan.

Mengenai dari segi dapatkan hak balik duit-duit itu, saya minta Encik Azmi akan buat.

Mengenai nilai tanah— bagaimana— yes, kita buat *zoning* itu, Yang Berhormat. *Zoning* kita buat *especially for the* tanah-tanah lapang dan tanah-tanah hijau, memang kita kekalkan— kita akan kekalkan. Bukan kata akan, kita buat masa sekarang *zoning* ini tidak boleh buat apa-apa juga. Kalau katakan rumah itu rumah *low...*

**Tuan Pengerusi:** So, Dato', tindakan sudah diambil?

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Sudah diambil?

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Sedang diambil.

**Tuan Pengerusi:** Okey, sudah.

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Akan tetapi, ini untuk baru-baru punya. Mana yang lama punya yang terlepas itu, kita tidak boleh buat apa.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Saya minta ini Encik Azmi pasal ini...

**Tuan Wong Kah Woh:** Sebelum Encik Azmi ya. Cuma, pasal *blacklist* itu, Dato', *can you furnish us a copy of— I mean the full list of those got blacklisted?*

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Boleh.

**Tuan Wong Kah Woh:** Okey. *Because in that case*, kami boleh banding dengan nama-nama syarikat yang telah pun dibekalkan kepada kami oleh Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Okey,

**Tuan Wong Kah Woh:** *Thank you.*

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Dato', sebelum serah kepada dia. Saya hendak sebut, tadi *you* kata *okey you* memang akan *protect-lah* mana-mana yang sudah ditetapkan tidak boleh dirancang untuk pembangunan. Jadi, saya hendak sebut punya, Taman Kiara, Titiwangsa...

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Ya, Titiwangsa.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Kalau ikut *city plan* asal, ia adalah *community center* dengan *public open space*. Akan tetapi sekarang mengikut tahun 2018 punya, ia sudah tukar kepada *high density housing* dengan 400 orang per ekar. Jadi, macam mana? Kita hendak tukar balik ke *plan original* atau kita kekal untuk *development*?

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Ini, Yang Berhormat— okey, ia sebenarnya daripada tahun 2015 lagi perancangan ini. Perancangan ini daripada tahun 2018. Nanti saya

minta Tuan Haji Azizi untuk terangkan *in details*. Pada dasarnya, memang kawasan itu kawasan yang berplot rendah— ya, Tuan Haji Nurazizi ya?

**Tuan Haji Nurazizi bin Mokhtar:** Ya.

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Nanti Tuan Haji Nurazizi akan jawab. Ia ada ia punya *technical* ia di situ. Okey.

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Ya, Yang Berhormat Tebrau ya. Untuk makluman Yang Berhormat, susulan daripada keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Transaksi Tanah di peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan, kita akui lah memang rekod-rekod kita, kita akan dapat duit ini dalam lingkungan RM250 juta itulah. *Plus minus* RM260 juta dalam *list* kita ini.

Selepas kita dapat keputusan berkenaan, dan telah diputuskan di peringkat kementerian, di peringkat kami ini, kami akan memproses balik *documentation* itu. Maknanya, di peringkat DBKL, kita panggil dia, kita buat *new agreement*. *Agreement* tambahan kepada *agreement* yang *original*-lah untuk kita pastikan kita akan dapat hak-hak kita itu. Cumanya, dalam *detail* itu ia ada *terms* yang kita bersetuju bersamalah, sebab tanah ini dia ada banyak proses-proses yang kita kena patuhi. Contohnya, dia bagi *10 percent* dahulu, kemudian dia akan bayar pula dia punya perkongsian *late* dan sebagainya. Kita akan tengok *flow* itu, kita akan— untuk makluman Yang Berhormat pun, rata-rata yang telah kita putuskan, telah kita buat *agreement* baharu.

**Tuan Wong Chen:** Soalan saya ialah, ada *admission of guilt* atau tidak daripada *developer*? Did they say they are responsible? Or they underpaid you or they cheated you or whatever-lah.

## ■1120

Kedua, did they pay any penalty or they just have to pay back the money that they did not pay in the first place? Ada *penalty element* tidak? I think this one maybe Puan Fadzilah can answer.

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Tidak ada. Ia ikut sepertimana arahan Yang Berhormat Menteri. Dia punya arahan.

**Tuan Wong Chen:** Arahan Menteri kata tidak payah?

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Bukan. Maksud saya keputusan yang diputuskan semasa itu, kita ambil extra itu sahaja.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Tidak boleh begitu. Datuk Bandar punya— Datuk Bandar ya. I know it is going to be a huge responsibility ahead of you. A huge one. But you can't just overlook like that. You see, before 2015, though there is no SOP whatsoever tetapi

macam mana pun, kalau kita tengok daripada sini, *someone need to be responsible for all this shortcoming. Someone need to be responsible.*

Jadi, apakah sebenarnya tindakan yang dibuat oleh DBKL pada ketika ini untuk menyiasat kembali? Perkara ini kalau macam kita kata kalau— *procedure of settlement is one, but the thing is if there is no settlement at all, someone need to be responsible.*

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Terima kasih, Yang Berhormat. Pertama, biar saya *clear*— bukan *clear* lah. Maksud saya cakap *this settlement* yang kata RM250 juta ini, memang apa yang saya dimaklumkan bahawa tiada apa-apa penalti. Benda-benda itu bila saya tengok, benda itu sudah ada macam itu.

Cuma, dari segi pembayaran itu, saya rasa ia bukan dapat RM250 juta itu sekali gus macam itu. Tak ada. Maksudnya dia memakan masa. Saya pastikan tengok— bila tengok balik, ia lima, enam tahun. Maksudnya kalau tahun ini, dia tidak dapat RM50 juta. Mungkin dia dapat *less than RM5 million*. Tahun depan dia *accumulate* mungkin dapat RM20 juta. Selepas itu tiga tahun dapat ini sampai ke lima tahun akan datang baru *complete* RM250 juta— Encik Azmi ya?

**Tuan Wong Chen:** Jadi maknanya *interest free* lah. You jadi *banker to them* lah. *That is right. And some of them, Dato', I ada baca, CSR. What is CSR? You cannot do like that. You bayar, bayar duitlah.*

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** *I agree*, Yang Berhormat. *That is why* kita masih lagi buat *discussion* bahawa CSR-CSR ini *is nothing to do with* penjualan tanah. Kalau benda-benda lain, yang lain itu okey, tetapi kerana dia buat macam ini untuk bantu kita, dia pun buat CSR. Itu bagi saya kena *discuss* balik. *We have to keluarkanlah*, maksudnya.

**Tuan Steven Choong Shiu Yoon:** Dato', saya cuma hendak sambung soalan daripada Yang Berhormat Subang. Tadi dia hendak dapat satu jawapan adakah ada *admission of guilt* dari pemaju. Bagi saya, kalau *admission of guilt*, maknanya satu pihak sahajalah.

Akan tetapi saya hendak tanya, adakah dua-dua pihak pun bermasalah dalam isu ini? Jadi kalau macam ini, tidak akan ada *admission of guilt*. Kalau ada *admission of guilt*, dua-dua pihak kena ada *admission of guilt* lah.

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Daripada DBKL memanglah, sesiapa yang duduk di kerusi ini walaupun satu hari, dia kena bertanggungjawab. Maksudnya dia daripada pihak DBKL, kita rasa *guilt*. Kita ada rasa bersalah kerana benda-benda...

**Tuan Steven Choong Shiu Yoon:** Ada bersalah lah?

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Bagi saya, saya memang rasa bersalah. *That is why for 2040, we make sure benda ini jangan terjadi lagi. Okey that one. Yang sebelah pemaju, we don't know.* Sama ada dia orang gelak pergi ke bank kah, ataupun dia orang senyap senyum

kah, dia orang rasa sedih kah, apa perasaan, *we don't know*. Akan tetapi apa yang ada sekarang ini, itulah dia, Yang Berhormat.

**Tuan Steven Choong Shiao Yoon:** Okey, saya ulang balik. Tadi Datuk Bandar memang akui pada masa ketika itu memang pihak DBKL berlaku kesilapan lah. Salah atau tidak, saya kata kesilapan kerana tidak wujud SOP. Mungkin kesilapan dalam menggunakan *plot ratio* yang salah dan akibatnya adalah kita dapat harga jualan yang kuranglah.

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Okey, Yang Berhormat.

**Tuan Steven Choong Shiao Yoon:** Okey, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Tapi kalau macam itu, Puan Fadzilah, tidak ada— bila membincangkan mengenai harga dan segala-galanya.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, daripada *legal aspect*. Ada apa-apa yang Puan Fadzilah ada nyatakan dalam perbincangan tersebutlah?

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** Yang Berhormat, sebenarnya dari segi nilai harga itu, *it is actually* perkara dasar. *So, we are actually more on willing buyer willing seller*. So, saya dimaklumkan— *correct me*, Encik Azmi ya. Kadang-kadang isu yang melibatkan penjualan tanah ini bila nilai harganya kurang, dia ada komponen-komponen yang lain kerana *developer* ini perlu membuat pembangunan RUMAWIP dan sebagainya. *So, those elements* kita mengambil kira juga kan dari segi penentuan harga jualan sebenarnya.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *There is no legal scrutiny. I have to make sure, there is no legal scrutiny that was given to the Minister before the agreement was reached in terms of...*

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** *In terms of* harga.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *Sometimes it is— because Menteri contohnya, you have your legal panel kan? It just advice lah. Because you are talking about project yang sudah diberikan makluman daripada AGC ada kontroversi sedikit sebanyak. So, I want to know whether he sought the legal advice from his own internal ministry.*

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** Okey, yang berlaku sekarang *was actually decision made before*. Okey?

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** Yes, yes. *But at that time, it was done, of course without us lah. It was a decision that was made untuk jual tanah-tanah berkenaan.*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Saya faham. Apa yang saya tanya *in terms of the current decision made*. *Because this reaching of* segala penjualan ini masih lagi berlaku termeterai

bawah Menteri terkini. So, saya hendak tanya— *I am not talking about the previous arrangement.* Saya faham sudah ada jualan kepada pembeli, *you know, they bought in good faith.*

*But in this process, in the interim, sementara kita dalam transisi, you can decide hendak minta take action, decide proceed with the statement of claims and of course you have consideration and it could be good consideration. Hendak tanya, what was the role of the legal department then?*

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** *To advice the Minister as to the consequences...*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *[Bercakap tanpa menggunakan pemberitaan] ...Is there anything pertaining to that? Some details? Just a draft outline. Supaya kita dapat memahami proses tersebut dan membantu kita dalam menulis proses di masa hadapan.*

*Because here, kita faham here, it is done. Kami hanya diminta nanti buat rekomendasi. So, the more you can give us, then kita pun okey, maksudnya dalam internal checklist sudah ada nasihat guaman yang mampu diberikan, then kita boleh perkasan bab itu. Apa-apa pun, kami bagi cadangan sahajalah. At the end of the day, the government would have to implement. But, this is DBKL and DBKL is extremely powerful.*

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** *Powerful. [Ketawa] Okey, Yang Berhormat, as Encik Azmi mentioned, selepas the transition of the new government berkaitan dengan isu penjualan tanah-tanah itu, KWP on their own initiative dia tubuhkan this JTMM DBKL. So, inside, we were represented lah— legal was there— and kita memberi senario-senario dari segi status of the penjualan. Ada yang baru peringkat surat tawaran, ada yang S&P sudah sign, ada yang sudah sign and development ongoing.*

*So, untuk kategori-kategori berkenaan, of course we have to identify dari segi risiko-risiko yang akan going to be exposed by the DBKL kalau kita hendak proceed untuk termination dan sebagainyalah. So, that was a decision yang kita nyatakan semasa perbincangan di dalam jawatankuasa berkenaan yang dipengerusikan oleh wakil daripada KWP— kan? Yes, Menteri.*

**Tuan Wong Chen:** *So, Puan, that is when Shearn Delemore punya letter come out. They are a reputable law firm, they advising on risk but for whatever reason, the final decision was to ignore it and to go for own settlement.*

*Now, my question is on another issue. Now, for the valuation of the RM250 million that you collected back, I ask the Minister who provided the valuation to get the compensation. Can I get an answer from DBKL? Did you ask the government's own valuer, the Federal Government? DBKL, I don't know how many valuers you have. And did you ask a reputable valuer company like C H Williams to do?*

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Berbalik kepada isu yang RM250 juta tadi. Untuk makluman Yang Berhormat, semasa perbincangan itu wujud semasa itu, sebahagian daripada *agreement* telah pun kita tandatangani, sebahagian itu semasa itu masih lagi belum ditandatangani. Ada satu dua belum ditandatangani.

Untuk *agreement* yang telah ditandatangani, kami hanya merujuk kepada penilaian yang asal yang diberikan oleh Jabatan Penilaian semasa itu untuk kita *negotiate* semasa itu.

**Tuan Wong Chen:** Ya lah. Saya tanya Menteri, saya ingat dia kata katakanlah kalau tanah itu tahun 2008 beli, dia pakai *valuation* tahun 2008. *Is that right?*

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Kalau penjualan itu berlaku tahun 2008, kita akan panggil 2008. Penjualan itu berlaku semasa itu.

**Tuan Wong Chen:** Jadi you pakai *historical record of your valuation*.

#### ■1130

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Sebabnya begini, Yang Berhormat. Kita dah ada *signing agreement* between kita dengan, katakan pihak pembeli, *figure* pun kita dah bersetuju semasa itu. Cuma, semasa itu kita mendapati bahawa harga yang ditawar kepada syarikat itu adalah kurang daripada harga penilaian semasa *negotiation* berlaku. Jadi, kami *negotiate figures* yang sepatutnya kena bagi semulalah.

**Tuan Wong Chen:** Saya faham, *I understand. But 2008 or 2000—when the developer beli tanah itu, today the valuation is much-much higher. The margins are going to be bigger also.* Kita faham.

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Betul.

**Tuan Wong Chen:** Orang beli tanah untuk *lend bank*, betul ya? So, *is it fair to use back 2008 punya number? And even the 2008 punya number, isn't it you can even ask C H William to check whether the government's valuation back then was proper or not? You can do a simple calculation on the historical value of property next to it to come out for fair valuation.*

*What I am asking is dalam negotiation, didn't you take the extra effort to get an independent valuer to value the compensation? I nak settle case pun I kena ask for the best, the best deal. I cannot just go back, oh, dulu tahun 2008 Encik Ali kata tanah ini RM2 per square feet, you pakai saja yang itu. Shouldn't when the settlement today in 2019, 2018, you panggil C H William, betul kah RM2, bukan RM2.80? I mean simple things like that. Was it done or not?*

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Semua itu tidak berlaku.

**Tuan Wong Chen:** Ha, tak berkulalah. *That is what I want to know.*

**Tuan Wong Hon Wai:** Susulan daripada soalan Yang Berhormat Subang itu, adakah pertimbangan *zoning* juga? Kerana—*plot ratio* juga dalam tanah. Kerana walaupun nilai tanah

hanya berdasarkan kepada JPPH tetapi berlaku 10 tahun itu, *plot ratio*, ketumpatan itu semua ia akan memberi perbezaan yang amat besar. So, saya rasa ini bukan sahaja penyataan tetapi *zoning* kena— tadi saya tanya soalan *zoning* tetapi belum jawab lagi. Minta jawab.

**Tuan Pengerusi:** Tuan Haji Norazizi, sila.

**Tuan Haji Nurazizi bin Mokhtar:** Okey, Yang Berhormat. Pertama, saya hendak mungkin jawab yang Rimba Kiara, Titiwangsa tadi dululah. Okey, kes Rimba Kiara Titiwangsa ini, kelulusan itu dibuat sebelum Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 diwartakan.

**Tuan Pengerusi:** Tahun berapa? Sebutkan sekali tahun berapa.

**Tuan Haji Nurazizi bin Mokhtar:** *Offhand* saya tidak ada sebab semasa kita dipanggil ke prosiding ini, kita tidak maklum pun tentang akan timbulnya perkara ini. Akan tetapi apa yang penting, memang betul dalam pelan asal draf tahun 2008 berbeza dengan yang kita wartakan.

Akan tetapi, apa pun, keputusan yang dibuat oleh Datuk Bandar ketika itu ialah kerana dengan ketiadaan *local plan* sebab *local plan* itu tidak diwartakan. Jadi, Datuk Bandar membuat keputusan berdasarkan undang-undang.

Undang-undang membenarkan Datuk Bandar meminda sama ada menambah kepadatan atau menukar zon guna tanah. Undang-undang benarkan dengan syarat Datuk Bandar melalui satu kaedah iaitu dipanggil Kaedah 5 di mana memanggil penduduk-penduduk bersebelahan untuk memberikan pandangan. Maksudnya kalau tanah, ada kiri, kanan, utara, selatan. Itulah yang dimaksudkan bersebelahan. Proses itu telah dibuat. Berdasarkan keputusan itu, Datuk Bandar buat keputusan untuk meluluskan untuk menaikkan kepadatan dan sebagainya. Jadi dari segi perundangan, pada pandangan saya, ia mengikut undang-undang.

Itu tidak bermakna— tetapi apa yang berlaku, semasa kita mewartakan pelan pada Oktober tersebut, kita masukkan dalam senarai yang kita panggil *addendum* untuk menyatakan Datuk Bandar telah membuat satu keputusan yang tidak sama dengan pelan yang ada sebelum ini dan kita masukkan.

Isu yang dikatakan ianya tidak sama, itu memang betul tidak sama seperti apa yang ada pada draf tahun 2008 tetapi proses pemindaan telah dibuat mengikut undang-undang. Itu yang saya hendak kongsikan.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Okey, saya cuma hendak tangkap apa yang *you* sebut *you* sudah minta pandangan dari penduduk di sebelah kiri, kanan, depan dan belakang tanah itu. Akan tetapi prosesnya, adakah *you* hantar notis melalui surat kepada semua penduduk atau *you* tampa notis saja di tapak itu? Apa cara *you* guna?

**Tuan Haji Nurazizi bin Mokhtar:** Menerusi kaedahnya, undang-undang pun menjelaskan apakah kaedah. Kaedahnya adalah dengan mempamerkan notis di akhbar selama

tiga hari. Itu diperuntukkan dalam kaedah. Kaedah tidak ada menyebut tentang perlunya ditampal di tapak tetapi itu juga dibuat oleh DBKL sebagai tambahan daripada apa yang diperuntukkan oleh undang-undang.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Boleh saya tanya soalan susulan khusus tentang isu ataupun Kaedah 5? Ini kerana saya memang sendiri menghadiri bantahan mendukung penduduk dalam prosedur ini. Daripada pandangan saya, selalunya tidak pernah diterima satu pun bantahan yang dikemukakan oleh penduduk.

Daripada pandangan dan pengalaman Encik Haji Nurazizi, berapakah peratus bantahan yang bila dibawa oleh penduduk itu diterima pakai ataupun adakah lebih 90 peratus bantahan itu tidak ada kesan kepada *eventual approval* sesuatu pembangunan? Kerana itu pengalaman sendiri dan akhirnya ia menjadi satu proses akademik yang agak sia-sia. Itu mungkin hendak dapatkan maklum balas.

Keduanya juga, selalunya pihak DBKL akan bergantung pada laporan kejuruteraan IKRAM. Laporan tersebut pun amat sukar untuk kami mendapat akses kecuali dengan persetujuan, ketika itu, Pengarah Jabatan Perancangan Bandar. Saya bagi contoh. Dalam laporan IKRAM sendiri telah mengatakan sudah diluluskan walaupun perbincangan masih berlangsung. Jadi, *this are the sort of contradictions* sedikit sebanyak yang memberikan sedikit rasa susah hati di kalangan penduduk.

Akan tetapi hendak kembali kepada isu asal, adakah benar ataupun tepat mengatakan lebih daripada 90 peratus bantahan yang dikemukakan oleh penduduk menerusi Kaedah 5 tidak pernah dipersetujui oleh pihak DBKL?

**Tuan Haji Nurazizi bin Mokhtar:** Saya kena *qualify statement* saya sebab, satu, memang angka itu tidak ada di depan saya. *For the past 10 years*, saya tidak pasti pun berapa banyak Kaedah 5 yang telah dibuat. Jadi untuk berlaku adil, saya takkan kata lebih atau kurang daripada 90...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *Can you give us the data later on at least from DBKL punya records?*

**Tuan Pengerusi:** Ya, minta maklumkan dan bagi pada sekretariat.

**Tuan Haji Nurazizi bin Mokhtar:** Ya, kalau itu keperluan Jawatankuasa, kita akan...

**Tuan Pengerusi:** Ya, itu arahan daripada Jawatankuasa.

**Tuan Haji Nurazizi bin Mokhtar:** ...Kita akan dapatkan.

**Tuan Pengerusi:** Saya minta Datuk Bandar berikan maklumat tersebut kepada sekretariat PAC.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi:** Teruskan dulu, teruskan dulu.

**Tuan Haji Nurazizi bin Mokhtar:** Oleh sebab soalannya tadi sama ada lebih 90 peratus ataupun tidak, itu pun saya tidak boleh jawab.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Takkannya tak boleh cakap *majority of it will never be approved? Because...*

**Tuan Haji Nurazizi bin Mokhtar:** Bagi saya, *to be fair, since Jawatankuasa pun bersetuju untuk mendapatkan senarai yang lengkap...*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Tapi Haji Nurazizi tidak boleh maklumkan daripada pandangan, daripada penglibatan selama ini ada tak satu pun bantahan yang diluluskan?

**Tuan Haji Nurazizi bin Mokhtar:** Ada. Yang mendengar pandangan penduduk, ada.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih.

**Tuan Haji Nurazizi bin Mokhtar:** Sebab, dalam banyak keadaan, penduduk ada permohonan, permintaan, bantahan dan pemaju pun ada ini. Dalam banyak keadaan, Datuk Bandar akan buat keputusan untuk menurunkan, contohnya daripada nisbah plot katalah 200 kepada 180. Jadi, itu tidak bermakna pandangan penduduk tidak didengar, bantahan penduduk tidak didengar. Tidak semestinya. Datuk Bandar sudah mendengar dan dia membuat keputusan untuk mengurangkan. Jadi pada pandangan saya, pandangan penduduk telah didengar. Akan tetapi kepada penduduk, bantahan mereka tidak didengar sebab penduduk mungkin hendak turunkan daripada 200 kepada 20 orang seekar. Selagi tidak dapat 20, bagi mereka, pandangan dan bantahan mereka tidak didengar. Jadi pada Datuk Bandar, dia telah mendengar dan menimbang dan dia putuskan untuk *go to the middle*, contohnyalah ya.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Okey.

**Tuan Pengerusi:** Okey Yang Berhormat.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Saya sebenarnya sangat berminat untuk melihat bagaimana interaksi antara jabatan-jabatan dan agensi kerajaan. Saya hendak kembali kepada usaha Pejabat AG untuk memberikan pandangan, nasihat dan juga tindakan. DBKL menerima apa yang Pejabat AG bagi itu dalam bentuk pakej, bukan hanya dasar sahaja dan bukan hanya prinsip. Pakej maksudnya minta supaya sebuah syarikat guaman lain diterima oleh DBKL untuk menguruskan perkara ini. DBKL menolak syarikat guaman itu.

Okey, saya rasa tidak ada masalah untuk menolak cadangan syarikat guaman tetapi konsep yang ingin diberikan Pejabat AG iaitu penyata— apa tadi?

■1140

**Tuan Wong Chen:** Penyata tuntutan.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Penyata tuntutan itu, Pejabat AG merasakan perlu benda itu. Saya percaya DBKL berhak untuk menolak syarikat guaman yang dilantik tetapi apa yang hendak disampaikan oleh Pejabat AG itu juga penting yang perlu diambil kira oleh DBKL. Apa komen terhadap perkara itu sekali lagi?

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** Yang Berhormat, sebenarnya bila lantikan Shearn Delamore itu dibuat, *we did not agree* untuk hendak meneruskan. *And mengambil kira dari segi situasi dan status of penjualan tanah to what extent pembangunan telah dibuat, we were of the opinion that we have given instruction to Shearn not to proceed to prepare the statement of claims. So, on our side, kita tidak menerima sesalinan statement of claims itu.*

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Tidak menerima?

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** Yes, because...

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Okey, kemudian *you* bagi respons tak kepada Pejabat AG tentang...

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** Of course, of course.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** You ada beri respons?

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** Yes, yes.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Okey tak apa, nanti kami akan berurusan dengan Pejabat AG nanti.

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** Yes, yes.

**Tuan Wong Chen:** Okey, *last question on this issue—for the issue of settlement lah. Who actually made all this settlement decision? Is it DBKL or is it Menteri? All of them. RM260 million, how many cases, 40 cases—whatever lah. Who had the final say? Is it you in DBKL or is it the Menteri?*

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] ...Rundingan transaksi tanah DBKL di peringkat Kementerian Wilayah.

**Tuan Pengerusi:** Siapa yang pengerusi itu?

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Pengerusi adalah Yang Berhormat Menterilah.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Tuan Azmi...

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Ya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Sebelum tahun 2015, kita tak ada SOP masa tersebut. Maknanya kelemahan daripada DBKL. Tetapi semua penjualan dibuat, dibuat keputusan oleh jawatankuasa apa?

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Di peringkat DBKL, kita ada Jawatankuasa Pandu Penswastaan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Ya, ada tak macam kalau sebelum kita buat keputusan ini ada tekanan daripada mana-mana pihak?

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Ada. Semasa itu tekanan daripada pihak Yang Berhormat Menteri sendiri sebagai...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Ada tekanan?

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Ada.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Tekanan macam mana?

**Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid:** Contohnya menjual kepada syarikat tertentu ataupun dengan harga-harga tertentu. Memang ada wujud. Secara umum ya, secara umum.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** *Chairman...*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Kepada Datuk Bandar pula ya. *I am sorry. I know, macam saya cakap tadi, ada banyak kerja di hadapan Dato'. You were chosen because of your past record, excellent record. [Ketawa] I know you are going to be a troubleshooter.*

Jadi, saya hendak tanya kepada Yang Berbahagia Dato', apakah sebenarnya perancangan Dato' bagi memperbaiki prestasi DBKL? Bukan sahaja sekarang tentang hal penjualan tanah tetapi sekarang kepada *on the eyes of the public, DBKL is seemed to be*, orang kata, *the big bosses*. Pasal apa, apa pandangan dia, apa bantahan dia tidak didengar sehingga kawasan hijau pun dilupuskan.

**Tuan Pengerusi:** Okey, sambungan daripada itu. Saya ingat saya hendak sebelum penutup itu hendak tanya soalan itu tetapi Yang Berhormat Jasin *beat me towards that*.

Mungkin Dato' juga boleh bagi tahu perancangan Dato', *your reform to DBKL and at the same time we know you are new and you have tried your very best and I am sure you're going to do much more better for DBKL*. Jadinya, kalau ianya boleh dikongsi bersama dengan kita. Terima kasih.

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Pertama, saya lihat bahawa DBKL ini sebelum saya masuk memang orang kata, dan saya sendiri bercakap, tempat orang salah guna kuasa, salah guna duit. Itu satu. Apabila saya sudah masuk dekat setahun ini, saya lihat ada kebenarannya. Tetapi cara *how we want to solve* perkara-perkara ini, bagi saya *to solve* bukan saya seorang, saya memerlukan ramai. Bagi saya bila saya bercakap pada orang ramai bahawa perancangan Kuala Lumpur pada masa akan datang pada tahun 2040 ini yang akan digazetkan pada *by end of 2020 atau early 2021*, semua orang penduduk Kuala Lumpur dua juta orang ini

*you are as our planner.* Sebagai *planner* ini maksudnya dia orang beri pandangan dan sebagai lagi.

Akan tetapi, dalam pada itu, kita mesti lihat bahawa dalam DBKL ada 10,000 orang staf dan 2,000 adalah penguat kuasa. Kita tahu dan saya pun selalu melihat perkara-perkara ini boleh dikatakan setiap hari saya berjalan pagi, petang, malam dan setiap hari Sabtu—tak apa, memang tugas saya— bagaimana kita hendak jadikan Kuala Lumpur ini sebagai milik kita. Saya sudah cakap beberapa kali, pertama, mesti bersihkan diri kita. Kita kena buat kejujuran bukan setakat cakap sahaja. SOP kita, tiap-tiap hari kena bercakap. Tindakan kita pergi ke bawah, jangan duduk dekat atas sahaja. Pergi dekat bawah dengan orang sama-sama. Kalau naik lori sampah, naik sama-sama. Kalau pergi buat *raid*, sama-sama *raid*. Kalau pergi ke mana-mana, kita buat sama-sama.

Sekarang kita lebih kepada DBKL, kita naikkan mereka ini, ialah untuk bagaimana kita membagi balik kualiti *life* kepada orang-orang Kuala Lumpur. Sebab kita dibayar gaji oleh pencukai-pencukai di Kuala Lumpur seramai dua juta orang. *That's it.* Apa yang kita perlu buat? Jangka masa pendek, tengah, panjang. Pendek ini apa? *Traffic jam*, jalan berlubang, air, rumah, gelandangan. *Just name it*, di Kuala Lumpur, semua ada. *How?*

Dan kita pun sekarang ini kita pun adalah beberapa pembaharuan iaitu kita buat rumah untuk orang sewa untuk B40 ini, inkubator ini, *micro housing* dan di tempat-tempat yang mana yang banyak budak-budak gelandangan— bukannya orang tua, orang muda. Budak gelandangan dekat Chow Kit itu. Kita rampas bangunan itu daripada *slotting machine*, kita jadikan untuk budak-budak gelandangan ini, budak-budak ini yang bawah 12 tahun ini untuk belajar mengaji, untuk belajar komputer, untuk sama-sama itu untuk lepak di situ dan jangan lagi dia orang ini merayau-rayau. Dan juga kita buat untuk faedah orang ramai ialah untuk *public transport* dan sebagainya.

Akan tetapi bagi saya yang penting ialah kejujuran itu mesti ditunjuk, amanah itu mesti ditunjukkan oleh staf-staf DBKL daripada bawah sampai ke atas. *We don't talk anymore.* Saya kata jangan *talk*. Sekarang ini buat sebab di sinilah kita— sebab Bandaraya Kuala Lumpur, kita ini penduduk *multi-racial*. Orang datang sini, dia hendak tengok kita. Itu sebab saya kata bahawa di sini kita di samping kita buat perkara ini, di samping *long term* tadi *local plan*, tetapi kita ini, kita punya servis kepada orang ramai apa? Sebab orang memandang Kuala Lumpur ini dengan sinis. Masuk RM1, bila sudah penceن, bila sudah keluar, RM1,000. *We don't want to be like that.*

Sekarang apa yang kita perlu buat ialah mendapatkan *confidence* daripada orang-orang itu— daripada penjaja, daripada pengusaha, daripada apa. Semua kita kena buat. Memanglah orang luar akan cakap pelbagai tetapi benda ini tidak akan tercapai dalam masa dua, tiga tahun.

Mungkin lima, enam tahun benda ini akan nampak atau mungkin kita tidak ada lagi, mungkin benda itu akan berjalan.

Tetapi apa benda pun, waima apa pun benda, *we must give back to the Kuala Lumpur*. Sebab, apa-apa benda pun— termasuk kubur pun kita kena buat jaga. Kampung-kampung tradisional, kampung-kampung baharu, macam kita hendak selesaikan estet di Bukit Jalil itu, *we try our best*. Walaupun banyak rintangan dan halangan-halangan yang terdapat sekarang ini tetapi kena ada usaha dan di samping itu, kena banyak— kami ada 11 orang Ahli Parlimen di Kuala Lumpur yang *very helpful to DBKL*, tunjuk ajar. Sebab benda-benda macam ini *is not alone*. Kita tak mahu jadi hero, kita tak mahu dapat award, kita tak mahu dapat itu. Saya sudah kata sudah, kita tak mahu dapat award. Apa yang ada pada award?

Sekarang kerja kita, kita bagi pada orang ramai. Ini orang hendak tengok apa kerja. Ikan beribu-ribu mati dekat sungai daripada semalam, *what happen?* Lif rosak, *what happen?* Apa benda sebenarnya berlaku? Ya lah, *distorted information* mengatakan 6,000— semua itu sebenarnya tidak betullah. Sekarang ini bukan sahaja PPRPA, sekarang ini kita hendak tahu juga tentang *how we create the Kuala Lumpur ini opportunity* untuk ekonomi, untuk orang bekerja.

*Affordable housing* di Kuala Lumpur, jangan buat benda itu tinggi tapi kita hendak buat yang— sebab itu saya kata tadi dalam OSC, kita hendakkan pembangunan itu bukannya setakat untuk mereka-mereka yang *younger generation* ini tetapi untuk orang-orang tua yang *ageing population*. Masukkan sama. Tak adalah kita— sana ada 11 MP ini kita pisah-pisah. Tak. Kita hendak buat *the new...*

**Tuan Pengerusi:** *Together.*

#### ■1150

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Ya, *together*. Benda-benda ini kita kena banyak berbincang dengan ahli-ahli akademik. *We don't care whatever apa semua. We care about the populations of Kuala Lumpur*, dia punya nilai itu.

Itu sebab sekarang ini kita hendakkan Kuala Lumpur ini bukan setakat *livable city, green city*. *We are more on*, dekat-dekat merdeka ini, *is a lembah perpaduan*. *What is lembah perpaduan? Is a valley of unity*. *This what we need Kuala Lumpur to be thrive lagi. This is what we want*. Tetapi, memang kita dapatkan daripada orang ramailah. *The most important*, kalau orang hendak *curse* kita, biasalah. Bagi saya, biasa. Orang hentam macam-macam, apa kata dekat kita, biasa. Dengan syarat, kita tidak buat. Kita buat yang terbaik apa semua, orang hendak komen apa semua, kita dengar, kita buat. Apa yang kita boleh buat itu.

Macam Tuan Pengerusi tadi, apa yang ada ini— memang kalau hendak ikutkan, kalau saya Datuk Bandar dahulu, memang saya tidak setuju. Tidak apa, yang itu tidak apa, lepas-

lepas. Akan tetapi yang sekarang ini, *the new one*, kena banyak berbincang dengan semua kita punya *stakeholders*. *We do*. Mana yang boleh dapat— sebab usaha kita apa semua, saya percaya bahawa apa yang kita buat, *insya-Allah*, benda itu akan boleh. Itu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Dato'. Akan tetapi sebelum kita— ini soalan kedua yang terakhir.

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Okey, kedua yang terakhir.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Okey.

**Tuan Pengerusi:** Okey, ustaz dan selepas itu saya akan serahkan kepada Naib Pengerusi untuk menanyakan soalan.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Okay, *Chairman*. Saya tidak pasti adakah saya terlupa ataupun saya silap dengar ataupun saya tidak faham.

Masih dalam kepala saya yang Yang Berhormat Menteri telah menyatakan dia telah membentuk satu jawatankuasa untuk memutuskan hal penyelesaian tanah-tanah ini dan dia tidak masuk campur dalam jawatankuasa itu. Akan tetapi hari ini saya mendengar daripada Tuan Haji Azmi mengatakan ada satu jawatankuasa yang membuat keputusan dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya sangat *confused* dalam perkara ini. Terpulang untuk Tuan Haji Azmi menjawab ataupun kita akan *refer* kepada *Hansard* kita untuk mendapatkan kepastian yang sebenarnya.

Cabang daripada soalan tadi, saya difahamkan satu kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri pada 28 Mei 2019, dia mengatakan, "*According to the FT minister, any development that follows the next KL Structure Plan 2020-2040 which is expected to be gazetted next year*". Komen daripada NGO mengatakan, "*Will not have to go through a public objection hearing*". Ini komen daripada NGO terhadap ucapan Yang Berhormat Menteri. Kalau boleh komen sedikit supaya kami boleh membela bahawa DBKL tidak macam itu ketika berurus dengan orang ramai.

Terima kasih.

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Tuan Pengerusi, no. *Everybody can give their opinion*. Kita ada tiga— kita akan pecahkan semua untuk dengar, bawa balik, selepas itu kita akan bentangkan balik dan selepas itu bentang balik kepada orang ramai balik apa keputusan-keputusan yang kita tengah buat. Itu sebabnya kita memakan masa dua tahun iaitu 2019, 2020 dan kita akan gazetkan *by early 2021*.

**Tuan Pengerusi:** Naib Pengerusi, sila.

**Tuan Wong Kah Woh:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Dua soalan daripada saya very straightforward one berkenaan dengan Yayasan Wilayah Persekutuan.

Nombor satu, saya hendak tanya kepada Puan Fadzilah, sama ada terdapat apa-apa surat ikatan amanah antara DBKL dengan Yayasan Wilayah Persekutuan untuk memberi panduan kepada *directors* dalam Yayasan Wilayah Persekutuan dalam menjalankan tugas mereka, memandangkan Yayasan Wilayah Persekutuan ini ditubuhkan di bawah Akta Syarikat dan didaftarkan dengan SSM? So, itu nombor satu.

Kedua, apa yang akan terjadi dengan keuntungan yang diperoleh oleh Yayasan Wilayah Persekutuan? *Would that money goes back to DBKL or that money is used by Yayasan Wilayah Persekutuan for some other purpose?* Sila.

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** Pertama itu tidak ada.

**Tuan Wong Kah Woh:** Tidak ada?

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** Tidak ada.

**Tuan Wong Kah Woh:** So, tidak ada surat ikatan amanah apa-pun?

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** Tidak ada kan, Dato'? Tidak ada.

**Tuan Wong Kah Woh:** Okey.

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** Kedua?

**Tuan Wong Kah Woh:** Sebelum itu. Yayasan Wilayah Persekutuan *has their own constitution or not? M&A.*

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** Yes, yes.

**Tuan Wong Kah Woh:** Ada. *Can you furnish us a copy of the M&A? Okay, please.*

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** Okey.

**Tuan Wong Kah Woh:** Dia panggil apa? *M&A atau constitution?*

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** *M&A.*

**Tuan Wong Kah Woh:** *M&A. Furnish us a copy of the M&A. Thanks. Second question.*

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** *That one whether duit yayasan goes to DBKL?*

**Tuan Wong Kah Woh:** Yes.

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** No. Tidak.

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** No. *Not even a cent.*

**Tuan Wong Kah Woh:** So, *where is the money...*

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** *In yayasan. Sebab yayasan is for a kebajikan, for the welfare of the people of Kuala Lumpur. Because it's an arm wings of Kementerian Wilayah.*

**Tuan Wong Kah Woh:** Okay, very well.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih. Tetapi sebelum itu, saya minta supaya nanti dibekalkan kepada Sekretariat PAC tadi maklumat-maklumat yang telah kita minta semua daripada Ahli PAC termasuklah juga semua data, termasuk yang berkaitan dengan Kaedah 5,

M&A, selepas itu SOP yang telah DBKL siapkan selepas sahaja ia— *and then*, kemudian, Pelan Kuala Lumpur 2040.

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** 2040, Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Ha, yang itu.

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** ...Masih dalam perancangan.

**Tuan Pengerusi:** Perancangan lagi?

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Sebab kita hendak buat itu digazetkan *by early 2021*.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Sekarang ini sedang dalam proses.

**Tuan Pengerusi:** Sedang lagi ya? Okey. Tetapi SOP itu kena bagi juga kepada semua yang tadi. Tadi kan sepanjang prosiding kita ada beberapa perkara yang saya minta supaya dimaklumkan kepada Sekretariat...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Di apa ini...

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** *Guidance* daripada 2040?

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Okey. Ada, ada.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *At least it is quite nice because...*

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Kami bagi kepada semua Ahli Yang Berhormat dia punya *guideline* untuk 2040.

**Tuan Pengerusi:** Okey, boleh.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *So, at least— since Dato' sebut tadi hendak make sure* dapat kehidupan berkualiti, jadi kita tahu *roughly*— walaupun dalam proses.

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** *By today is a...*

**Tuan Pengerusi:** Nanti bagi sekalilah, Dato'.

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** *By Thursday.*

**Tuan Pengerusi:** Bagi sekali semua maklumat ini kepada Sekretariat. Nanti kita akan buat edaran. Sebab kita berjumpa daripada semasa ke semasa, bukannya hari ini sahaja. Bilakah paling cepat boleh bagi, serahkan kepada kita?

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** *Tomorrow.*

**Tuan Pengerusi:** *Tomorrow?* Semua sekali? Semua makluman ada? Puan Fadzilah boleh...

**Puan Fadzilah binti Abd Rashid:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Saya, mana yang...

**Tuan Pengerusi:** Tidak apa. Saya ikut *Major*...

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Bagi saya, mana yang tidak ada teknikal ini macam katakan SOP, sudah boleh bagi sudah.

**Tuan Pengerusi:** Okay. Yes, yes.,

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Yang macam 2040 punya itu boleh bagi. Tetapi kalau dari segi legal itu, itu— tetapi yang mana dapat dahulu...

**Tuan Pengerusi:** Boleh? Serahkan kepada Sekretariat.

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Okay, *tomorrow*.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih.

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Sama-sama.

**Tuan Haji Nurazizi bin Mokhtar:** Dalam kaedah itu, memang saya terpaksa mengambil masa yang lama untuk pergi buka fail kita.

**Tuan Pengerusi:** Okey, fasa yang pertama, esok sebahagian dokumen perlu dihantar. Fasa yang kedua, yang lain. Tetapi jangan lama. Lama sangat sampai tahun depan itu lama sangat itu. Jadi saya hendak masa juga ditetapkan. *Seven days, then seven days* kita expect semuanya ada untuk diserahkan.

**Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan:** Akan tetapi *tomorrow*, mana yang ada yang...

**Tuan Pengerusi:** Ya, betul. Betul, Dato'. Terima kasih banyak-banyak di atas kerjasama daripada Yang Berbahagia Dato' dan semua yang dapat hadir pada hari ini. Kami sangat appreciate kehadiran semua pada hari ini. Terima kasih banyak.

**[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 11.58 pagi]**